

PERANAN WANITA DALAM GERAKAN SOSIAL
DAN UGAMA DI RANCANGAN FELDA AIR HITAM, JOHOR

NORIMAH ABU BAKAR
NO. MATRIK 39331

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sessi 1983/84

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingganya kepada ibu, ayah serta kakak saya Norsiah yang tidak henti-henti memberikan dorongan dan bantuan selama kerja penyelidikan saya jalankan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Rokiah Talib yang telah banyak memberikan panduan serta tunjuk ajar bagi menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada keluarga angkat saya Encik Sadiman Kamilin sekeluarga yang telah sudi menjadikan saya sebagai anak angkat mereka semasa kajian dilakukan di Rancangan FELDA Air Hitam. Segala bantuan dan kerjasama mereka saya iringi dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Selain itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurus Rancangan FELDA Air Hitam iaitu Encik Wahab Leman serta semua kakitangan FELDA yang telah memberikan kerjasama yang saya perlukan. Teristimewa untuk SDA(W) iaitu Cik Jalilah Daud, saya ingin rakamkan ucapan

setinggi-tinggi terima kasih.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujukan kepada pihak Ibu Pejabat FELDA yang telah meluluskan agar kajian ini dapat dijalankan.

Keseluruhan kajian saya ini telah dibiayai oleh pihak Instituti Pengajian Tinggi, Universiti Malaya dan kepadanya saya ucapkan terima kasih.

Norimah Abu Bakar

Februari 1984
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini adalah mengenai peranan wanita dalam gerakan ugama dan sosial di FELDA Air Hitam. Bab 1 dalam Latihan Ilmiah ini ialah mengenai bidang dan tujuan kajian, kaedah kajian serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkajian semasa membuat kajian.

Bab II pula adalah mengenai latarbelakang FELDA secara am. Ini termasuklah penubuhan FELDA serta dasar-dasar dan polisinya. Dalam bab ini juga terdapat organisasi dan pentadbiran FELDA secara am.

Bab III pula menerangkan tentang latarbelakang dan pentadbiran di FELDA Air Hitam. Terdapat juga sedikit penerangan tentang getah serta rancangan tanam semulanya. Dalam bab ini juga pengkaji membincangkan tentang kemudahan awam di FELDA, pentadbiran di FELDA, serta sistem blok yang terdapat di situ.

Aspek latarbelakang responden pula telah di bincangkan dalam bab IV. Pertamanya, pengkaji telah membincangkan tentang jenis rumahtangga responden. Kemudian pengkaji juga telah membincangkan dari aspek-aspek umur, pelajaran dan sebab-sebab anak-anak responden tinggal di luar rancangan. Jenis-jenis kerja yang responden lakukan serta pendapatan yang mereka perolehi juga diterangkan

dengan lebih jelas dalam bab ini. Akhir sekali, pengkaji telah meninjau mengenai pernyataan responden dalam kumpulan sosial dan keugamaan iaitu dari aspek sebab-sebab mereka menyertai kumpulan-kumpulan demikian serta pandangan responden untuk menjadi pemimpin. Dalam bab IV ini, semua perbincangan mengenai responden adalah disertai dengan jadual-jadual yang sesuai.

Bab V adalah mengenai kumpulan-kumpulan sosial dan ugama yang terdapat di FELDA Air Hitam iaitu seperti Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan aktiviti-aktiviti biro-biro di bawah JKKR, dari segi sosial dan keugamaan di peringkat rancangan dan peringkat blok.

Bab VI pula adalah mengenai Peranan Wanita dalam Gerakan Persatuan Wanita (GPW). Aspek-aspek yang dibincangkan ialah mengenai latarbelakang GPW, aktiviti sosial GPW di peringkat rancangan dan blok serta aktiviti keugamaan GPW di peringkat rancangan dan blok.

Bab VII membincangkan tentang peranan wanita yang dapat dilihat melalui penglibatan mereka dalam aktiviti GPW serta kesan-kesan penglibatan mereka.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
 BAB I: PENGENALAN	 1
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	2
1.2 Kaedah Kajian	2
1.3 Masalah Kajian	5
 BAB II: LATARBELAKANG FELDA SECARA AM	 8
2.1 Penubuhan FELDA	8
2.2 Dasar dan Polisi FELDA	8
2.3 Pembangunan Sosial	20
2.4 Organisasi dan Pentadbiran FELDA	23
2.5 Kewangan	26
 BAB III: FELDA AIR HITAM	 28
3.1 Latarbelakang penubuhan	28
3.2 Kedudukan Fizikal Ladang	29
3.3 Tanaman Utama Getah	30
3.4 Rancangan Tanam Semula	32
3.5 Kemudahan Awam	33
3.6 Pentadbiran FELDA	41
3.7 Sistem Blok	48

Muka Surat

BAB IV: LATARBELAKANG RESPONDEN	49
4.1 Jenis Rumahtangga Responden	49
4.2 Umur	50
4.3 Pelajaran	53
4.4 Sebab-sebab Tinggal Di Luar Rancangan	60
4.5 Jenis Kerja	60
4.5a Cara Menoreh	63
4.6 Pendapatan	64
4.7 Penyertaan dalam Kumpulan Sosial dan Keugamaan	65
4.7a Sebab-sebab Menyertai	67
4.8 Pandangan Peneroka Untuk Menjadi Pemimpin	70
BAB V: KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA	76
5.1 Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR)	76
5.1a Biro-biro Di Bawah JKKR	76
5.2 Aktiviti Sosial Belia Di Peringkat Rancangan	79
5.2a Aktiviti Bilik Bacaan	80
5.2b Aktiviti Kelas Jahitan	81
5.2c Jawatankuasa Sukan dan Seni-budaya	83
5.3 Jawatankuasa Badan Kesihatan	84

Muka Surat

5.4	Aktiviti Ugama Peringkat Rancangan	85
5.5	Aktiviti Sosial Peringkat Blok	86
5.6	Aktiviti Ugama Peringkat Blok	88
5.7	Aktiviti Ekonomi	88
BAB VI: PERANAN WANITA DALAM GPW		91
6.1	Latarbelakang GPW	91
6.2	Jawatankuasa dalam GPW	92
6.2a	Aktiviti Sosial GPW Peringkat Rancangan	92
6.2b	Gotong-royong	94
6.3	Aktiviti Sosial Di Peringkat Blok	95
6.3a	Kehadiran Kelas Blok	96
6.3b	Pakatan Kahwin	96
6.4	Aktiviti Keugamaan GPW Peringkat Rancangan	98
6.5	Aktiviti Keugamaan GPW Peringkat Blok	99
6.6	Aktiviti Ekonomi Peringkat Rancangan	100
BAB VII: KESIMPULAN		102

SENARAI JADUAL

Muka Surat

BAB II:

Jadual 2.1	Kawasan Yang dimajukan Hingga Akhir 1981	17
2.2	Penempatan Mengikut Jenis Tanaman	18
2.3	Kakitangan Mengikut Tempat Kerja 1981	24
2.4	Sumber dan Keluaran Wang Sehingga 1981	26
2.5	Hasil Pengeluaran 1981	27

BAB III:

Jadual 3.1	Luas Kawasan Yang Diusahakan Di Rancangan	29
------------	---	----

BAB IV:

Jadual 4.1	Jenis-jenis Rumahtangga Responden Dalam Rancangan	50
4.2	Umur 30 Ketua Rumahtangga Dan Isteri Dalam Rancangan	51
4.3	Umur Anak-anak Dari Rumahtangga Yang Tinggal Dalam dan Luar Rancangan	52
4.4	Taraf Pelajaran 30 Ketua Rumah-tangga Dan Isteri	53
4.5	Taraf Pelajaran Anak-anak Dari 30 Rumahtangga Di Dalam Dan Luar Rancangan	55

Jadual 4.6	Potensi Anak-anak Dari 30 Rumah-tangga Rancangan Untuk Melanjutkan Pelajaran	56
4.7	Potensi Anak-anak Dari 30 Rumah-tangga Yang Berada Di Luar Rancangan Untuk Melanjutkan Pelajaran	58
4.8	Sebab-sebab Anak-anak Peneroka Tinggal di Luar Rancangan	60
4.9	Jenis Kerja 30 Rumahtangga Dalam Rancangan	61
4.10	Jenis Kerja Sampingan	62
4.11	Jenis Kerja Sampingan Isteri Peneroka	62
4.12	Cara Menoreh Dari 30 Rumahtangga	63
4.13	Pembantu Peneroka Dalam Pekerjaan Ladang	63
4.14	Pendapatan Bagi 30 Rumahtangga	64
4.15	Penyertaan 30 Rumahtangga Dalam Kumpulan Sosial Dan Keugamaan	66
4.16	Sebab-sebab Responden Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan Mengikut Pilihan Keutamaan	68
4.17	Sebab-sebab Isteri Responden Menyertai Kumpulan Peringkat Rancangan	69
4.18	Sebab-sebab Responden Menyertai Kumpulan Di Peringkat Blok	70
4.19	Sebab-sebab Isteri Responden Menyertai Kumpulan Peringkat Blok	71
4.20	Pandangan Peneroka Bagi Kriteria Untuk Menjadi Pemimpin	71

Muka Surat

Jadual 4.21	Pandangan Isteri Peneroka Bagi Kriteria Untuk Menjadi Pemimpin	73
4.22	Pemilihan Peneroka Tentang Kelayakan Untuk Jadi Ketua Blok	74
4.23	Pemilihan Isteri Peneroka Tentang Kelayakan Untuk Jadi Ketua Blok	75

LAMPIRAN:

- Lampiran A: Rajah Organisasi JKRR
- Lampiran B: Rajah Biro-biro JKRR
- Lampiran C: Organisasi Kumpulan GPW Wilayah
- Lampiran D: Organisasi Gerakan Persatuan
Wanita
- Lampiran E: Peta Kawasan Kampung.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Tujuan Dan Bidang Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat penglibatan peserta-peserta rancangan terutama kaum wanita dalam aspek sosial dan keugamaan di rancangan FELDA.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui apakah kesan-kesan dari penyertaan kaum wanita ke atas tugas mereka di ladang, terhadap keluarga dan seterusnya kesan ke atas masyarakat rancangan. Kajian yang bercorak mikro ini juga dapat memaparkan sebuah komuniti Melayu di rancangan tanah yang sedang menghadapi zaman pembangunan. Misalnya bagaimana-kaah wanita-wanita yang terlibat ini dapat menyesuaikan tugas-tugas ekonomi dengan tugas-tugas sosial dan keugamaan. Penglibatan secara langsung bukan sahaja dapat memberi kesan positif kepada kaum wanita secara individu, khususnya, tetapi juga kepada masyarakat rancangan amnya. Pengembelian usaha dan tenaga daripada kaum lelaki dan wanita yang lebih kreatif dan berpengalaman akan dapat melancarkan lagi program-program pembangunan ke arah objektif yang dicita-citakan.

Di samping itu kajian juga dapat memperlihatkan reaksi pegawai-pegawai FELDA mengenai penglibatan kaum wanita dalam kegiatan sosial dan keugamaan.

1.2 Kaedah Kajian

Satu kajiluar yang intensif telah dijalankan selama sebulan dalam masa cuti panjang yang bermula pada bulan April hingga Mei 1983 di Rancangan FELDA Air Hitam, Johor. Di sepanjang kajian ini, pengkaji telah ditempatkan di rumah sebuah keluarga angkat yang terdiri daripada peserta rancangan.

Penyebaran soal selidik (questionnaires) merupakan kaedah utama yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang penglibatan kaum wanita di rancangan ini. Oleh kerana pengkaji juga berperanan sebagai "research assistant" maka bentuk soal selidik telahpun disediakan oleh penyelia kajian ini. Sungguhpun begitu beberapa soalan tambahan telah juga dilakukan oleh pengkaji sendiri.

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah pemerhatian penglibatan dalam kajian ini. Pengkaji telah melibatkan diri dalam aktiviti sosial masyarakat di kawasan ini untuk memperolehi maklumat serta pengetahuan yang lebih mendalam dan jitu. Melalui hubungan yang rapat dengan Penolong Pembangunan Peneroka, pengkaji mempunyai peluang yang lebih mudah untuk mewujudkan hubungan yang mesra dan erat dengan peserta-peserta rancangan iaitu dengan mengikuti mereka menjalankan tugas pengawasan. Pengkaji sering mengikuti Pembantu Pembangunan Peneroka (SDA) Wanita membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah. Pegawai-pegawai rancangan dan SDA(W) rancangan juga

merupakan orang-orang yang aktif dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan di rancangan seperti Persatuan Belia dan Sukan Rancangan, Gerakan Persatuan Wanita dan sebagainya. Oleh itu mereka-mereka ini merupakan sumber yang utama bagi mendapatkan keterangan-keterangan yang penting tentang pergerakan pertubuhan-pertubuhan yang dikaji.

Melalui kaedah ini juga pengkaji telah berpeluang melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan di rancangan seperti bergotong-royong, menghadiri Mesyuarat Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Mesyuarat Persatuan Belia, Mesyuarat Jawatankuasa Tadika, kelas blok seperti kelas gubahan serta Majlis Yasin dan Tahlil. Selain itu pengkaji juga telah berkesempatan menghadiri beberapa majlis perkahwinan, pertunjukkan wayang gambar di rancangan serta menghadiri ceramah atau seminar untuk pegawai-pegawai SDA bahagian FELDA Johor Wilayah Tengah.

Pengkaji juga telah menjalankan temubual dengan beberapa orang ketua keluarga iaitu temubual dari rumah ke rumah berdasarkan "samples" yang dipilih mengikut blok GPW. Temubual secara tidak rasmi juga telah dilakukan dengan peserta-peserta rancangan di lot-lot getah mereka semasa pengkaji mengikut pembantu luar rancangan melawat lot-lot getah mereka. Temubual juga telah dilakukan dengan beberapa peserta tertentu samada yang terlibat secara

langsung atau yang sesuai dengan tujuan dan bidang kajian seperti Pengurus Rancangan, Tuan Imam, Guru Tadika, Guru Kemas, Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Rancangan, Pengerusi UMNO bahagian wanita dan orang-orang berkenaan. Perbualan-perbualan tidak rasmi juga dilakukan dengan peserta-peserta rancangan seperti di tempat kenduri.

Kaedah temubual ini telah dapat mencungkil masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka dan keadaan sebenar di rancangan pada keseluruhannya. Maklumat-maklumat yang di perolehi dari orang-orang tersebut dapat dipercayai (reliable) dan adalah penting bagi kajian ini. Data-data juga telah di perolehi daripada fail-fail yang berkaitan dengan pertubuhan-pertubuhan di rancangan.

Akhir sekali pengutipan data-data juga adalah di perolehi daripada dokumen-dokumen atau risalah-risalah daripada Pejabat FELDA di rancangan ini.

Pada keseluruhannya kaedah-kaedah kajian yang telah digunakan telah berjaya memperlihatkan gambaran yang mendalam tentang kehidupan peserta di rancangan. Kajian ini adalah merupakan satu kajian "case study" di mana tumpuan penuh adalah terhadap penglibatan kaum wanita di rancangan ini dalam kegiatan sosial dan keagamaan.

1.3 Masalah Kajian

Kajian telah dijalankan di rancangan ini dengan menggunakan tiga puluh rumahtangga sebagai "sample" yang dipilih secara "non-random". Pemilihan "sample" secara "random" adalah sukar dan didapati tidak sesuai dilakukan.

Oleh kerana kajian ini menumpukan pada peranan wanita, maka "sample" telah dipilih berdasarkan blok GPW.¹ Terdapat lima belas blok dan daripada tiap-tiap satu blok dipilih dua rumah. Pengkaji telah membuat pemilihan "sample" berdasarkan senarai rumah-rumah di blok GPW yang didapati daripada pejabat.

Oleh kerana pengkaji berhubung rapat dengan peserta rancangan terutama peserta yang dipilih sebagai "sample", maka kerjasama daripada mereka mudah didapati. Walau bagaimanapun pengkaji tetap menghadapi kesulitan-kesulitan tertentu terutama dalam menggunakan kaedah temubual dan soalselidik. Peserta-peserta rancangan selalu sibuk dengan tugas masing-masing. Oleh itu pengkaji hanya berpeluang menemuramah mereka pada sebelah petang atau malam.

Kajian ini telah dimulakan serentak dengan cuti penggal pertama. Orang-orang Melayu gemar mengadakan majlis

1

Blok GPW terdiri daripada 15 buah blok dan tiap-tiap blok mempunyai ketua blok yang terdiri daripada wanita.

perkahwinan pada musim cuti sekolah. Semangat gotong-royong yang masih kukuh telah menyebabkan para peneroka mengambil cuti untuk membantu keluarga pengantin di blok mereka. Begitu juga jika terdapat sebarang kematian. Ini telah menyebabkan pengkaji mengalami kesukaran untuk menemubual responden yang terlibat dalam kerja kahwin di blok-blok tertentu.

Oleh kerana rancangan ini merupakan sebuah rancangan lama maka peserta-pesertanya adalah terdiri daripada orang-orang yang telah lanjut usianya. Terdapat di kalangan mereka yang terlalu tua samada untuk memahami soalan atau untuk menjawab soalan tertentu. Mereka biasanya mengambil masa yang agak lama untuk menjawab soalan-soalan tertentu. Kadang-kadang mereka merasa curiga terhadap soalan-soalan tertentu seperti tentang pendapatan dan menjawab dengan sambil lewa sahaja. Kadangkala "sample" terpaksa ditukar kerana keuzuran mereka.

Masalah juga timbul kerana tidak semua peneroka bercuti pada hari yang sama. Oleh itu pengkaji terpaksa meninjau terlebih dahulu rumah mereka bersama SDA(W) untuk memastikan bahawa, responden berada di rumah pada sebelah paginya supaya kajian dapat dijalankan. Tetapi hasilnya sering menghampakan.

Beberapa orang responden yang telah dipilih tinggal

agak berjauhan antara satu sama lain. Oleh itu pengkaji terpaksa meminta jasa baik SDA(W) supaya menghantarkan ke rumah-rumah "sample" dengan menaiki motor. Ketika hari hujan lebat, pengkaji mendapatinya agak sukar untuk menemubual "sample". Perkara-perkara demikian telah melambatkan kajian.

BAB II

LATARBELAKANG FELDA SECARA AM

2.1 Penubuhan FELDA

FELDA telah ditubuhkan pada 1 Jun 1956 sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Undang-undang Kemajuan Tanah No. 20, 1956. FELDA adalah ditadbirkan oleh sebuah Lembaga yang bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Menurut laporan tahunan 1981, Lembaga ini terdiri daripada 13 ahli termasuk Pengerusinya.

2.2 Dasar dan Polisi FELDA

Pada mula-mula ianya ditubuhkan FELDA bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan rancangan-rancangan tanah yang di bawah kuasa Lembaga-lembaga Negeri di Semenanjung Malaysia. Peraturan ini didapati telah melambatkan dan menimbulkan banyak tidak puas hati dalam membuka tanah-tanah baru. Lalu pada 24 Disember 1960 kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Khas untuk meninjau dan mengkaji kembali struktur, organisasi dan kemajuan FELDA setakat itu dan mencadangkan pengubahsuaian yang difikirkan patut.

Dengan itu satu perubahan polisi yang penting dalam pembangunan tanah telah berlaku di mana ia telah

menyebabkan FELDA juga mengalami perubahan besar dari segi peranan dan organisasi. FELDA tidak lagi menjadi sebuah badan pinjaman (loan board) bagi kerajaan-kerajaan negeri tetapi telah bertanggungjawab secara langsung untuk merancang, membuka tanah baru, membiayai dan mentadbir penempatan semula peneroka-peneroka di rancangannya sendiri. Ia juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan tugas semua jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan tanah dan penempatan semula.

Pada umumnya polisi kerajaan tentang FELDA telah dinyatakan secara tersurat pada awal tahun-tahun 1960an. Dari polisi ini telah dirumuskan berikutnya pada 1966 bahawa tujuan-tujuan FELDA ialah:¹

- (i) Mengurangkan pengangguran dan gunatenaga tak penuh di kawasan luar bandar lantas membasmi kemiskinan.
- (ii) Kerajaan juga berharap akan membentuk satu masyarakat baru yang lebih maju dan progresif, baik dari segi ekonomi mahupun dari segi sosial.

¹
Shamsul Amri Baharuddin - RMK tujuan dan pelaksanaannya DBP 1979, K.L., m.s. 74.

- (iii) Menjadi alat mengatasi masalah hak milik tanah yang tak ekonomik dan kelaparan tanah.

Di samping itu, FELDA juga bertanggungjawab memproses, mengangkut dan memasarkan hasil keluaran peneroka.

"Masyarakat baru" yang ingin dibentuk oleh FELDA berkait rapat dengan aspek dan strategi pembangunan sosial yang direncanakan oleh FELDA. Dalam konteks ini dari segi sosiologi, FELDA ditubuhkan untuk mewujudkan satu komuniti petani luar bandar baru atau moden iaitu:

"yang berpengetahuan, kemahiran dan kesanggupan mengambilalih pentadbiran dan pengurusan rancangan mereka sendiri masyarakat petani moden yang progresif, dinamis dan bertanggungjawab"¹

Rancangan Air Lanas di Kelantan merupakan rancangan yang pertama dibuka iaitu dalam tahun 1957 dan telah ditadbirkan oleh Lembaga Rancangan Tanah, Tanah Merah. Rancangan Lembah Bilut di Pahang yang dibuka dalam tahun 1958 pula telah ditadbirkan oleh FELDA dan adalah merupakan satu-satunya contoh rancangan "non-integrated" dalam

1

Ibid., m.s. 74 & 75.

sejarah FELDA di mana peneroka-penerokanya terpaksa membersihkan kawasan hutan, menanam pokok getah dan membina rumah-rumah mereka sendiri.

Sehingga kini telah terdapat sebanyak 219 buah rancangan FELDA di Semenanjung Malaysia.

Kawasan-kawasan yang ditadbirkan oleh FELDA adalah dibangunkan secara berperingkat-peringkat mengikut jadual kerja tertentu. Terdapat 3 peringkat yang telah dijalankan yang dianggap sebagai peringkat pengkajian (exploratory phase)

Dalam pembangunan peringkat pertama (1961-1965), FELDA telah membuat keputusan tidak akan membangunkan kawasan-kawasan tanaman sampingan bersama-sama dengan kawasan tanaman utama kerana mendapati peneroka cenderung mengabaikan tanaman sampingan (mengikut polisi, yang ditanam dengan pokok buah-buahan seluas 2 ekar).

FELDA juga mendapati masih terdapat perbezaan yang besar dalam mutu penjagaan tanaman utama. Oleh itu untuk menseragamkan mutu penjagaan kaedah "gotong-royong" telah diperkenalkan. Di bawah kaedah ini peneroka-peneroka di arahkan untuk bekerja secara berkelompok. Kaedah ini walau bagaimanapun telah digantikan dengan pemilikan secara individu selepas peneroka-peneroka menjayakan projek selama empat tahun. Di peringkat ini

tanaman utama telah melalui masa pertumbuhan yang kritikal dan peneroka-peneroka juga dibiasakan dengan teknik-teknik cara moden.

Di peringkat ini pihak FELDA telah memperkenalkan sistem kredit secara "subsistence" di mana peneroka-peneroka telah diberi pinjaman-pinjaman tunai untuk membolehkan mereka membeli keperluan-keperluan sehari-hari dalam peringkat awal ini. Pinjaman-pinjaman tunai ini secara perlahan-lahan dikurangkan jumlahnya dengan menjangkakan bahawa peneroka-peneroka menanam sebahagian daripada keperluan makanan mereka sendiri. Walau bagaimanapun pinjaman tunai diteruskan sehingga pokok-pokok getah peneroka mencapai kematangan.

Dasar mengenai hak milik peneroka telah diisytiharkan dalam peringkat pertama ini yang terkandung dalam Akta Tanah (Group Settlement Areas) yang telah diperbaiki dalam 1965 untuk disesuaikan dengan kehendak-kehendak FELDA.

Kelapa sawit telah pertama kali diperkenalkan dalam rancangan FELDA dalam 1961 dan ianya merupakan pertama kali di Malaysia di mana tanaman ini telah dipraktikan sebagai tanaman bidang kecil. Pada peringkat ini tanaman ini di jalankan secara kecil-kecilan.

Jangka masa 1961 - 1965 adalah juga penting kerana merupakan jangka masa di mana FELDA memperkenalkan

penyelarasan sistem dengan lain-lain agensi dan Jabatan Kerajaan.

Pembangunan peringkat kedua FELDA adalah bertepatan dengan Rancangan Malaysia Pertama tahun 1966 - 1970 (RMP) di mana Kerajaan Malaysia mengkehendaki FELDA untuk membangunkan 141,000 ekar iaitu lebih 20% daripada 5 tahun sebelumnya. Dalam peringkat ini FELDA telah membuat keputusan bahawa peneroka-peneroka tidak seharusnya diberikan pinjaman-pinjaman kecuali mereka menunjukkan kerja-kerja penanaman yang memuaskan.

Satu lagi perubahan ialah untuk menggantikan milik tanaman sampingan dengan tanaman utama seperti getah dan sawit. Peringkat kedua ini juga melihatkan perkembangan tanaman sawit. Hampir-hampir 75% daripada kawasan yang dibangunkan adalah untuk sawit.

Pembangunan peringkat ketiga adalah bertepatan dengan Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975). Dalam tahun-tahun 70an FELDA telah memperkenalkan dua lagi tanaman baru. Projek-projek tanaman tebu telah dimulakan di Perlis yang telah membuktikan kejayaan yang baik. Di samping itu projek percubaan untuk tanaman koko juga telah dimulakan. Sehingga kini kedua-dua projek ini masih dijalankan.

Dalam perkembangan sejarahnya selama 19 tahun daripada 1956 - 1975, FELDA telah melalui tiga tahap perkembangan. Tahap pertama adalah daripada 1956 - 1960 di mana ia hanyalah sebagai satu organisasi kewangan yang berperanan sebagai pemberi kewangan kepada kerajaan negeri untuk memulakan rancangan tanah kecuali Rancangan Lembah Bilut di mana FELDA mentadbirkannya secara langsung.

Dalam peringkat kedua (1961 - 1967) FELDA telah menukar polisinya dan melibatkan diri dengan aktif dalam mentadbirkan rancangan-rancangan tanah dalam segala aspek dan berkembang dengan pesatnya dari segi saiz dan kakitangannya.

Akhir sekali dalam peringkat ketiga perkembangannya daripada 1967 FELDA telah meluaskan saiz dari segi jumlah rancangan-rancangan dan jumlah pengambilan peneroka-peneroka sambil mempelbagaikan tanaman dan menjalankan proses pemasaran secara besar-besaran. FELDA juga telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Peneroka dalam 1967 dan secara aktifnya cuba mensosialisasikan peneroka-peneroka ke arah cara hidup yang lebih moden.

Di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970) FELDA telah berjaya memajukan 179,000 ekar tanah berbanding dengan matlamatnya seluas 159,240 ekar, iaitu pencapaian

sebanyak 112.4%. Dalam tempoh yang sama 11,865 keluarga telah ditempatkan berbanding dengan matlamatnya 12,745 keluarga peneroka iaitu pencapaian setakat 93%. Jumlah yang terbesar telah ditempatkan di Johor yang diikuti oleh negeri Perak dan Negeri Sembilan. Pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Pertama, pertambahan peserta telah meningkat lebih dari matlamat yang ditetapkan. Ini adalah kerana kerja-kerja mengadakan perkhidmatan asas telah dapat diselaraskan dengan baik.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975 (RMK) seluas 420,500 ekar tanah telah dimajukan berbanding dengan matlamat 403,000 ekar iaitu pencapaian sebanyak 104.3%. Bilangan keluarga peneroka yang dapat ditempatkan ialah 13,779 keluarga iaitu 69% daripada matlamat 20,000 keluarga. Pada keseluruhannya tempoh RMK telah menunjukkan banyak kemajuan jika ditinjau dari segi kerja-kerja yang dijalankan.

Pencapaian FELDA dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga 1976 - 1980 (RMT) pada keseluruhannya adalah di tahap yang memuaskan. Dalam bidang pembangunan tanah, pencapaian dalam tempoh ini ialah 1,296,760 ekar daripada matlamat 500,000 ekar yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebanyak 24 rancangan baru telah dibuka dalam 1980.

Jumlah kesemua peneroka sehingga akhir 1980 ialah

64,063 keluarga berbanding dengan 5,981 keluarga peneroka dalam 1979. Jumlah keluarga yang dapat ditempatkan di sepanjang RMT ialah 29,566 keluarga. Ini adalah 24% lebih tinggi daripada matlamat tahunan untuk RMT iaitu 5,100 keluarga. Adalah dianggarkan bahawa tidak kurang daripada 100,000 keluarga atau kira-kira 1/2 juta penduduk negara ini bergantung kepada aktiviti FELDA bagi menyara kehidupan mereka.

Pada puratanya pendapatan peneroka terus berada di paras yang memuaskan seperti yang dialami dalam 1979. Pendapatan bersih purata bulanan peneroka di rancangan-rancangan sawit ialah \$709.00 dan di rancangan getah ialah \$472.00. Penubuhan Koperasi Permodalan FELDA Berhad dalam tahun ini adalah satu lagi usaha untuk menggalakkan para peneroka dan juga kakitangan menyimpan dan melabur melalui pembelian saham.

Dalam tahun 1981, seluas 38,729 hektar kawasan baru telah dibangunkan oleh FELDA dalam tahun pertama perlaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985 (RMT) termasuk 16 rancangan baru. Matlamat pembangunan tanah di bawah RME adalah 141,640 hektar atas kadar tahunan 28,328 hektar. Pencapaian FELDA dalam tahun pertama RME adalah sebanyak 36.7% iaitu melebihi matlamat tahunan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sehingga akhir 1981 jumlah kawasan yang dimajukan oleh FELDA dalam 308 rancangan adalah 564,910 hekta seperti berikut.

Jadual 2.1

Kawasan Yang Dimajukan Hingga
Akhir 1981

	Bilangan Rancangan	%	Hektar	%
Sawit	177	57.5	335,741	59.4
Getah	117	38.0	178,322	31.6
Koko	11	3.6	15,059	2.7
Tebu	2	0.6	5,118	0.9
Kopi	1	0.3	529	0.1
Bandar/Per- Kampungan	-	-	30,141	5.3
Jumlah	308	100.0	564,910	100.0

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1981

Tanaman sawit terus menjadi tanaman utama FELDA dengan jumlah kawasan tanaman seluas 335,741 hektar atau 59.4% daripada keseluruhan kawasan yang dimajukan. Getah menjadi tanaman kedua penting dengan jumlah kawasan seluas 178,322 hektar atau 31.6% daripada jumlah kawasan dimajukan. Koko ditanam di kawasan yang seluas 15,059 hektar

menjadikan 2.7% daripada jumlah kawasan yang dimajukan.

Daripada kawasan yang ditanami seluas 477,146 hektar sehingga akhir 1981, 329,545 hektar atau 69.1% telah mengeluarkan hasil. Jumlah kawasan sawit yang mengeluarkan hasil bertambah sebanyak 26.9% dalam 1981. Pengeluaran getah bertambah sebanyak 5.7% dalam 1981.

Sebanyak 6,500 keluarga peneroka telah ditempatkan dalam 1981, menjadikan jumlah keluarga yang telah ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA pada akhir 1981 seramai 70,563. Penempatan peneroka dalam 1981 adalah 2.6% lebih tinggi daripada 1980 dan melebihi 8.3% daripada matlamat tahunan RME iaitu 6,000 keluarga. Penempatan peneroka di 186 rancangan mengikut jenis tanaman adalah seperti berikut:

Jadual 2.2

Penempatan mengikut Jenis Tanaman

Tanaman	Keluarga Peneroka	%
Sawit	40,256	57.05
Getah	29,685	42.07
Tebu	440	0.62
Koko	182	0.26
Jumlah	70,563	100.00

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1981

Pendapatan bersih purata bulanan peneroka di rancangan sawit ialah \$643.00 dan di rancangan getah ialah \$492.00. Pendapatan bulanan bagi peneroka-peneroka di rancangan sawit adalah kurang daripada tahun 1980 di sebabkan penurunan harga sawit. Begitu juga dengan pendapatan bulanan bagi peneroka-peneroka rancangan getah telah turun disebabkan penurunan harga getah. Pendapatan peneroka-peneroka terdiri daripada upah dan dividen-dividen yang mereka terima.

Pada asasnya FELDA telah menggunakan beberapa polisi untuk membolehkan penempatan di kawasan pertanian ini iaitu:

- (a) Bahawa semua rakyat lelaki yang tiada memiliki tanah atau memiliki dua ekar tanah atau kurang adalah layak untuk mengambil bahagian dalam projek-projek FELDA dengan syarat mereka telah berkahwin dan berumur antara 21 dan 45 tahun.
- (b) Bahawa semua peserta-peserta akan diberi peluang untuk memiliki tanah.
- (c) Bahawa sesebuah petempatan akan mempunyai sebuah pusat kampung untuk 400 keluarga dan setiap perkampungan akan mempunyai

sebuah sekolah rendah, sebuah klinik (dengan seorang bidan penempatan), pusat balai raya, masjid dan bekalan air.

- (d) Bahawa peneroka-peneroka akan diberi peruntukan memiliki tanah bagi tanaman getah seluas 6 - 8 ekar, bagi tanaman tambahan seluas 2 ekar dan 1/4 ekar bagi lot rumah.
- (e) Bahawa peneroka-peneroka hanya akan memasuki rancangan selepas tanah-tanah dibersihkan dan tanaman utama ditanam oleh kontraktor. Rumah-rumah peneroka juga telah dibina oleh kontraktor-kontraktor sebelum peneroka-peneroka masuk ke rancangan.

2.3 Pembangunan Sosial

Satu daripada peranan FELDA ialah untuk menggalakkan dan mengembangkan pembangunan masyarakat dan sosial di kalangan peserta-peserta. FELDA telah meneruskan usaha-usaha pembangunan peneroka yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat peneroka yang berdikari dan bertanggungjawab. Tumpuan telah diberikan pada program-program pembangunan sosial dan kemasyarakatan yang meliputi aspek-aspek kepimpinan, kegiatan urusniaga, pendidikan dan pelajaran bagi anak-anak peneroka

dan pembangunan kerohanian.

Program pembangunan masyarakat di rancangan-rancangan FELDA adalah dilaksanakan melalui penglibatan dan penyertaan peneroka-peneroka dalam Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di peringkat Rancangan Wilayah dan Nasional. Pada akhir tahun 1981 sebanyak 182 rancangan telah menubuhkan JKKR berbanding dengan 170 dalam tahun 1980. Bilangan Gabungan JKKR Wilayah tidak berubah dengan 16 buah seperti di tahun 1980. Gabungan JKKR Nasional telah diubah nama menjadi Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP) pada lhb. Jun 1981 selaras dengan beberapa pindaan "Garis Panduan JKKR".

Pada peringkat JKKR Wilayah Nasional inilah dasar dan program FELDA dibincangkan dengan telitinya untuk memastikan bahawa mereka yang terlibat secara langsung di dalam perlaksanaannya mempunyai suara ke atas hal-hal yang berkait rapat dengan penghidupan mereka. Wakil-wakil daripada JKKR Rancangan lazimnya dipilih untuk menganggotai JKKR Wilayah, dan daripada JKKR Wilayah ini pula ke peringkat nasional.

Kegiatan melibatkan kaum wanita dalam pembangunan rancangan dilaksanakan melalui Gerakan Persatuan Wanita. (GPW) Dalam tahun 1981, sebanyak 177 GPW telah ditubuhkan dengan

keahlian seramai lebih kurang 67,000.

Kegiatan belia dan beliawanis rancangan melalui Persatuan Belia telah bertambah kepada 163 Persatuan Belia dan 18,790 orang ahli dalam 1981.

Taman Didikan Kanak-kanak telah ditubuhkan di 176 rancangan dengan murid seramai 14,300 orang dalam 1981. Koperasi peneroka yang telah didaftarkan bertambah sebanyak 11 lagi menjadikan 144 koperasi pada akhir tahun 1981.

Pendidikan agama di kalangan masyarakat peneroka di teruskan sebagai usaha memperimbangkan pembangunan kerohanian dengan pembangunan ekonomi rancangan. Pegawai-pegawai agama di peringkat wilayah dan rancangan memberi galakan dan mengawasi kegiatan-kegiatan agama yang termasuk juga kelas-kelas agama bagi 38,000 murid di 160 rancangan pada 1981.

Pada masa kini daripada 219 rancangan, hanya 189 rancangan sahaja yang mempunyai sekolah agama. Dengan itu pada amnya terdapat 1,042 kelas dengan 792 orang guru. Jumlah murid-murid ialah 48,978 orang. Guru-guru adalah dibantu oleh Jabatan Agama.

Beberapa program telah dilaksanakan di peringkat rancangan oleh pihak wilayah seperti kumpulan Yasin,

kegiatan-kegiatan usrah termasuk ceramah-ceramah pendek sebelum waktu Isyak, kelas-kelas agama untuk belia dan penerokawati, kursus-kursus dakwah dan kesedaran agama anjuran FELDA, wilayah dan rancangan sendiri.

Dalam pembangunan sosial, FELDA telah menyediakan program untuk mendidik dan membina peneroka supaya mempunyai nilai, sikap dan sifat yang diperlukan bagi kejayaan pembangunan tanah dan pembangunan diri peneroka sendiri.

Akhir sekali matlamat pentadbiran FELDA ialah untuk mewujudkan peneroka-peneroka yang berpengetahuan dan terlatih serta mampu menguruskan setiap aspek pengendalian rancangan FELDA.

2.4 Organisasi dan Pentadbiran FELDA

Untuk melicinkan pentadbiran FELDA, tiga daripada lima jabatan-jabatan operasi di Ibu Pejabat telah di disentralisasikan di daerah-daerah Seremban, Kuantan dan Johor Bahru. Carta pentadbiran lampiran 1 menunjukkan struktur FELDA dalam tahun 1981.

Pada akhir tahun 1981, jumlah kakitangan FELDA adalah 7,385 orang iaitu kenaikan sebanyak 4.6% daripada tahun 1980. Kedudukan kakitangan mengikut tempat bekerja adalah seperti berikut:

Jadual 2.3

Kakitangan Mengikut Tempat Kerja 1981

	Bilangan	%
Rancangan	5,419	73.4
Pejabat-pejabat Wilayah	1,077	14.6
Ibu Pejabat	754	10.2
INPUT, Pusat-pusat dan Sekolah-sekolah Latihan	135	1.8
Jumlah	7,385	100.0

Kakitangan FELDA telah diberi latihan melalui Instituti Pembangunan Tanah (INPUT), Pusat-pusat Latihan dan Sekolah Latihan FELDA. Seramai 3,884 orang kakitangan telah mengikuti kursus-kursus latihan yang merangkumi berbagai-bagai aspek pentadbiran dan pengurusan tanah. Di samping itu usaha-usaha telah diambil untuk meningkatkan lagi mutu pengurusan dan perlaksanaan program latihan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah menubuhkan beberapa unit-unit khas seperti Unit Penentuan Keperluan Latihan, Unit Penilaian, Unit Alat Pandang Dengar dan Unit Percetakan dan Maklumat.

Khidmat latihan FELDA kepada kakitangan agensi, pembangunan tanah dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi telah diperluaskan dalam tahun 1981. Seramai 108

orang kakitangan daripada FELCRA, KESEDAR, Lembaga Kemajuan Tanah Sabah, MARDI, INTAN, PORIM, KEJORA, RISDA, LKPP Pahang, LPP, LPN, DARA dan Majuternak turut menghadiri kursus-kursus latihan anjuran FELDA.

FELDA telah menubuhkan perbadanan-perbadanan yang dimiliki sepenuhnya di samping usahasama dengan sektor swasta untuk membantu menambahkan pendapatan peneroka dan mempertingkatkan kemajuan dalam seberapa banyak bidang yang mungkin. Peneroka menyertai sebahagian besar perbadanan-perbadanan FELDA. Dengan turut serta melabur wang di dalam perbadanan-perbadanan tersebut, peneroka mempunyai minat untuk memastikan bahawa perbadanan itu benar-benar memberi keuntungan kepada mereka.

Perbadanan Binaan FELDA menyumbangkan ke arah pembangunan fizikal rancangan dan Perbadanan Perkhidmatan Keselamatan FELDA pula menjamin keselamatan. Untuk keperluan harian peneroka pula, Perbadanan Niaga FELDA mengendalikan rangkaian kedai runcit dan stesen minyak di beberapa rancangan. Sebuah Syarikat Usahasama iaitu F.S. Oils Sdn. Bhd. telah dibuka pada awal tahun 1981. Syarikat baru ini diusahakan bersama-sama dengan Vandermoontele Group of Belgium bagi memproses bahan-bahan makanan berasaskan minyak sawit seperti majerin. FELDA memiliki 66% daripada saham syarikat. Hingga akhir 1981, FELDA mempunyai 8 buah Perbadanan Tunjangan dan

6 Syarikat-syarikat Usahasama.

Dalam bidang yang lebih khusus pula, Perbadanan Pengendalian Susu Getah FELDA menyimpan dan mengeksport susu getah yang dihasilkan oleh rancangan-rancangan. Kegiatan memproses diuruskan oleh Perbadanan Kilang FELDA; pengangkutan susu getah dan minyak sawit diuruskan oleh Perbadanan Angkut FELDA. Akhir sekali, usaha yang penting ialah penjualan getah, minyak sawit dan hasil tanaman koko.

2.5 Kewangan

Sumber-sumber dan jumlah wang yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

Jadual 2.4

Sumber dan Keluaran Wang Sehingga 1981

Sumber	%
Kerajaan Persekutuan	
Melalui Kerajaan Persekutuan	89.15
Bank Dunia	8.41
Bank Pembangunan Asia	0.23
Tabung Koperasi Ekonomi Seberang Laut (OECF)	0.91
Tabung Kuwait (KFAED)	0.63
Tabung Saudi (SFD)	0.22
	0.44
	0.01
Jumlah	100.00

Di bawah Rancangan Malaysia Empat (RME) kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2,040.96 juta untuk FELDA. Peruntukan untuk 1981 ialah sebanyak \$538,000,000. Sehingga akhir 1981, FELDA telah membelanjakan sebanyak \$3.03 billion di mana 70.1% adalah dalam bentuk pinjaman-pinjaman dan sebanyak 29.9% adalah dalam bentuk geran.

Hasil-hasil pengeluaran bagi 1981 adalah seperti berikut:

Jadual 2.5

Hasil Pengeluaran 1981

Tanaman	Tan	\$
Sawit	3,775,795	538,790,613
Getah	111,762	150,884,374
Tebu	111,841	11,011,273
Koko	289	1,513,698
Jumlah		702,199,958

BAB III

FELDA AIR HITAM

3.1 Latarbelakang

Rancangan FELDA Air Hitam terletak lebih kurang 13 km dari bandar Kluang, Johor. Ia adalah di bawah Pengawasan Wilayah Johor Tengah yang beribu pejabat di Kluang. Rancangan FELDA ini merupakan sebuah rancangan getah di mana keluasan kawasan kelilingnya adalah kira-kira 4,262 ekar dengan jumlah keluarga peneroka seramai 336 orang Melayu yang kebanyakannya adalah dari keturunan Jawa atau Banjar. (Lihat lampiran E) dan (lampiran F)

Rancangan FELDA Air Hitam telah ditubuhkan sejak 22 tahun yang lalu iaitu kira-kira pada tahun 1961. Tarikh mula kemasukan peserta ialah pada tahun 1962 manakala tarikh akhir kemasukan peserta ialah pada tahun 1964. Rancangan ini mempunyai kawasan perkampungan seluas kira-kira 245 ekar. Rancangan ini telah diabahagikan kepada peringkat satu, dua, tiga dan sebuah kawasan rezab atau peringkat empat. Di peringkat pertama terdapat sebanyak 120 buah rumah; di peringkat kedua sebanyak 105 buah rumah dan peringkat tiga mempunyai 107 buah rumah. Lebih tepat lagi keadaan fizika rancangan FELDA ini adalah seperti berikut:

Luas kawasan rancangan	3,222 ekar
Luas kawasan kampung	245 ekar
Luas kawasan getah	5,885 ekar
Luas kawasan paya	241 ekar
Luas kawasan simpanan jalan	27 ekar
Jumlah lot peneroka	332
Jumlah lot	336

3.2 Kedudukan Fizikal Ladang

Sejauh ini ladang getah di peringkat satu, dua dan tiga telah mengeluarkan hasil yang agak memuaskan kecuali pada musim tengkujuh. Getah di peringkat satu telah mula ditanami pada tahun 1960, peringkat kedua pula pada tahun 1962 dan peringkat tiga mula ditanami dengan getah pada tahun 1968. Carta berikut menunjukkan luas kawasan yang diusahakan di ketiga-tiga peringkat di rancangan.

Jadual 3.1

Luas Kawasan Yang Diusahakan Di Rancangan

PKT	Jumlah Penduduk	Luas kawasan diusahakan
1	121	905
2	105	873
3	110	831
4	-	460
	336	3,069
Kawasan Perkampungan		245

Kawasan rezab adalah seluas 460 ekar dan ia masih belum mengeluarkan sebarang hasil. Kawasan rezab ini akan dibahagikan lagi kepada setiap keluarga peneroka dengan keluasan $1\frac{1}{2}$ ekar. Pada mulanya kawasan rezab ini adalah dicadangkan untuk ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan. Tetapi kemudian cadangan tersebut telah diubah kepada satu rancangan penanaman getah. Kebun getah rezab ini dijangka akan boleh mula ditoreh pada tahun 1984. Oleh itu pada masa kini, kawasan ini belum lagi dimulakan penorehan.

Kebun rezab ini tidak mengamalkan sistem lot individu. Ia lebih merupakan kepunyaan bersama atau berbentuk koperasi. Oleh itu setiap peneroka akan menerima saham daripada hasilnya. Di samping itu terdapat juga kawasan yang telah diperuntukkan untuk projek-projek seperti projek koko, kopi, kelapa, kelapa sawit, ternakan ayam, kolam ikan dan cengkeh.

3.3 Tanaman Utama Getah

FELDA telah memperuntukkan kawasan kebun seluas 8 ekar yang ditanami dengan getah bagi setiap peneroka. Tetapi terdapat peneroka yang menerima kebun seluas lebih daripada 8 ekar iaitu seluas-luasnya 9 ekar kerana keadaan tanah yang tidak sama rata. Lebihan tanah itu adalah merupakan tanah yang tidak ekonomik.

Jenis klon getah yang ditanam di rancangan ini ialah RRIM 513, RRIM 623, GTI dan RRIM 600. Pokok-pokok getah lazimnya boleh ditoreh apabila ia mencapai kematangannya ia itu selepas tujuh tahun dengan ukuran lilitan 18" - 20". Pokok getah mempunyai empat panel. Adalah dianggarkan bahawa satu panel boleh ditoreh selama lima tahun. Oleh itu ia dapat ditoreh lebih kurang selama dua puluh tahun.

Setelah siap menoreh dan memungut getah sekerap, Peneroka akan menghantar sendiri susu getah ke Pusat Mengumpul Getah atau PMG. Pusat ini hanya dibuka pada pukul sebelas pagi iaitu selepas selesai kerja-kerja menoreh kerana pekerja-pekerjanya terdiri daripada anak-anak peneroka sendiri. Di sini susu getah akan ditimbang dan digredkan dalam buku catitan. Susu getah akan ditimbang dan dikira kandungan getah keringnya (KGK) dengan menggunakan alat "metrolax". KGK yang tinggi bermakna susu getah mengandungi air yang paling kurang dan ini adalah baik untuk membuat kepingan getah. Sekiranya "metrolax" menunjukkan '0', ini bermakna susu getah adalah rosak dan terpaksa ditolak. Susu getah ini boleh dibuat sebagai bongkah (lump) tetapi harga dan mutunya adalah rendah. Selain susu getah, Peneroka juga memungut sekerap yang juga ditimbang dan dibayar mengikut harga tertentu. KGK yang biasa didapati ialah 30 dan 33 iaitu bacaan "metrolax" $1\frac{1}{4}$ dan $1\frac{1}{2}$. Jumlah besar getah basah dan getah kering akan dikira dan dicatitkan setiap hari.

Selepas proses menimbang, susu getah akan disimpan di dalam tanggi-tangki yang besar sehinggalah

diangkut oleh pekerja-pekerja "Revertex". Sebenarnya pendapatan peneroka adalah bergantung kepada KGK dan pada harga getah di pasaran yang tidak tetap dan kalau sedikit hasil getah yang didapati maka sedikitlah pendapatannya. Ini semua bergantung kepada usaha dan kerajinan peneroka itu sendiri. Susu getah yang di stor tadi akan dijual kepada syarikat swasta iaitu Syarikat Revertex yang akan mengangkut susu getah pada kira-kira pukul 1.00 petang tiap-tiap hari. Manakala getah sekerap dan bongkah akan dijual kepada syarikat yang lain iaitu Syarikat Hoe Hock Sdn. Bhd.

Di tiap-tiap peringkat di rancangan terdapat sebuah stesen susu getah untuk menimbang susu getah. Setiap stesen atau pusat mengumpul getah mempunyai tiga orang pekerja iaitu seorang kerani, seorang pengukur "metrolax" dan seorang penjaga tangki susu getah. Kerani itu akan membuat sebarang catitan yang perlu dalam buku catitan masing-masing. Kesemua pekerja-pekerja terdiri daripada anak-anak peneroka.

3.4 Rancangan Tanam Semula

Lazimnya sesebuah rancangan akan menjalankan tanaman semula selepas dua puluh atau dua puluh lima tahun getah di tanam. Dalam hal ini pihak FELDA akan bekerjasama dengan pihak RISDA. Walau bagaimanapun rancangan tanam semula belum dapat lagi dijalankan di rancangan FELDA Air Hitam kerana pokok-pokok getahnya masih dapat mengeluarkan getah

dengan banyak.

3.5 Kemudahan Awam

FELDA Air Hitam telah ditubuhkan sejak 22 tahun yang lalu. Oleh itu beberapa kemudahan di segi sosio-ekonomi telah dapat dinikmati dengan sepenuhnya oleh penduduk FELDA ini.

FELDA ini telah memperolehi bekalan letrik pada tahun 1981. Oleh itu tiap-tiap keluarga telah dapat menggunakan bekalan letrik masing-masing dengan sepenuhnya misalnya di tiap-tiap rumah terdapat lampu-lampu di samping penggunaan peti ais, radio, televisyen dan lain-lain lagi. Sejauh ini pembekalan letrik ke rancangan FELDA ini adalah sangat baik dan tidak tersekat-sekat. Sungguhpun begitu lorong-lorong serta jalan-jalan besar mahupun jalan kecil yang menghubungkan tiap-tiap blok di rancangan ini tidak disediakan lampu-lampu di tepi-tepi jalan bagi kegunaan orang-orang yang berjalan malam. Keadaan begini adalah kurang menyenangkan terutama bagi mereka-mereka yang berjalan kaki.

Bekalan air di rancangan ini telah diperolehi pada tahun 1967. Walaupun kini ia mempunyai sistem paip air yang elok, ia masih menghadapi masalah air yang besar. Ini adalah kerana air yang dibekalkan dari Kluang akan melalui Air Hitam dahulu dan kemudian baru sampai ke

rancangan ini. Bagaimanapun air itu tidak dapat memenuhi tangki air. Air hanya keluar sekejap sahaja pada tiap-tiap pagi. Dalam waktu-waktu yang terdesak, peneroka-peneroka terpaksa menunggu air yang dihantar dari Kluang untuk disimpan dalam tempayan-tempayan yang diletakkan di hadapan rumah. Semasa kajian dilakukan, paip besar di Air Hitam telah pecah. Maka berhari-harilah air tidak akan keluar sehingga penduduk rancangan terpaksa mengambil air di telaga. Penerokawati-penerokawati terpaksa membasuh kain baju di tepi telaga walaupun terpaksa berjalan agak jauh sedikit. Ketidakselesaian kerana kekurangan air masih menjadi masalah yang paling besar terutama pada musim panas. Ia juga menjadikan masalah yang rumit setiap kali majlis perkahwinan akan diadakan.

Terdapat sebuah sekolah rendah yang dibina pada tahun 1963. Sekolah rendah ini hanya cukup untuk menampung anak-anak peneroka sahaja. Terdapat lebih kurang lapan ratus orang murid-murid dengan lebih kurang sepuluh orang tenaga pengajar. Bagi anak-anak peneroka yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke tingkat yang lebih tinggi terpaksa pula bersekolah samada di Sekolah Menengah di Air Hitam atau di Kluang kerana di rancangan ini tidak terdapat sekolah menengah. Lazimnya pelajar-pelajar yang bersekolah menengah di luar daripada rancangan akan menaiki bas sekolah yang ada disediakan.

Selain daripada itu, terdapat sebuah sekolah agama yang dibina oleh peneroka-peneroka sendiri iaitu dalam tahun 1965. Sekolah agama ini diadakan pada dua sesi iaitu pada sebelah pagi dan sebelah petang. Jumlah murid-muridnya lebih kurang dua ratus orang.

Selain itu terdapat juga sebuah sekolah tadika yang telah dibina oleh pihak FELDA pada tahun 1976. Hanya terdapat dua buah kelas sahaja dengan dua orang guru yang mengajar pada masa ini. Sambutan daripada ibubapa adalah menggalakkan melihatkan mereka telah menghantar anak-anak mereka ke kelas tadika. Pra-sekolah ini terbahagi kepada dua kelas iaitu sebuah kelas untuk murid-murid yang berumur enam tahun. Kelas ini berjumlah 39 orang semuanya. Sebuah lagi kelas mempunyai murid-murid seramai 8 orang yang berumur 5 tahun dan seorang murid yang berumur empat tahun. Oleh itu jumlah semua murid di pra-sekolah ini bagi tahun 1983 ialah seramai 48 orang. Anak-anak kakitangan FELDA yang sedang menuntut di pra-sekolah buat masa ini ialah seramai 5 orang.

Sebenarnya mengikut perangkaan,peratus kehadiran murid-murid tadika adalah lebih daripada yang dijangkakan. Misalnya dalam bulan Januari 1983 peratus jangkaan kehadiran ialah 95% tetapi yang hadir ialah 99%. Dalam bulan Februari 1983 pula peratus jangkaan kehadiran ialah 95% dan yang

hadir ialah 98%. Ini berbeza dengan tahun lalu di mana peratus kehadiran ialah 96%. Guru pra-sekolah di rancangan ini telah dihantar ke kursus tadika terlebih dahulu oleh pihak FELDA di Trolak selama enam bulan iaitu tiga bulan kursus asas dan tiga bulan kursus lanjutan.

Yuran pendaftaran ialah ~~se~~banyak satu ringgit seorang manakala yuran bulanan ialah sebanyak empat ringgit bagi setiap murid. Daripada yuran-yuran inilah lahirnya makanan tambahan. Makanan tambahan ini sepatutnya diberi tiga kali seminggu oleh seorang pengasuhnya tetapi kini ia diberi pada tiap-tiap hari. Makanan tambahan terdiri daripada bubur kacang, bubur lambuk, kuih, air teh, mihoon dan biskut. Sekiranya seseorang murid gagal menghadirkan diri di kelas selama tiga hari berturut-turut maka guru serta SDA(W) akan membuat lawatan ke rumah murid tersebut untuk diberi nasihat kepada ibubapanya.

Hari Tadika lazimnya akan diadakan pada tiap-tiap bulan November. Terdapat acara-acara yang tidak kurang menarik seperti sukan, pertandingan kebersihan kanak-kanak, pertandingan kesihatan, anugerah murid terbaik melalui kegiatannya dan kecerdasan dalam kelas, pementasan, nyanyian, pakaian beragam, pertandingan bercerita dan pertandingan membaca Fatihah. Sambutan ibubapa pada hari tersebut adalah menggalakkan.

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Tadika akan diadakan sebanyak empat kali setahun. Begitu juga dengan gotong-royong tadika iaitu membersihkan kawasan-kawasan seperti batas-batas untuk tanaman sayuran oleh guru tadika. Gotong-royong ini adalah dengan kerjasama ibubapa murid-murid.

FELDA juga telah menyediakan perkhidmatan untuk peneroka-peneroka dengan mendirikan sebuah klinik desa. Klinik ini telah dibina pada tahun 1963 dengan dikendalikan oleh seorang pakar perbidanan. Klinik ini mempunyai jadual-jadualnya sendiri misalnya:

- (i) Rawatan untuk ibu-ibu mengandung adalah pada tiap-tiap hari Selasa pada pukul sembilan hingga empat petang.
- (ii) Rawatan untuk perancangan keluarga pada tiap-tiap hari Ahad pada pukul dua hingga empat petang.
- (iii) Untuk kanak-kanak iaitu pada tiap-tiap hari Sabtu.

Pada hari-hari kebiasaannya bidan tersebut akan membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk melihat keadaan pesakit-pesakit.

Sebuah Balai Raya juga telah dibina pada tahun 1978

seluas 0.338 ekar. Balai Raya ini mempunyai beberapa fungsi. Fungsi utamanya ialah sebagai tempat mengadakan mesyuarat-mesyuarat serta ceramah-ceramah tertentu. Selain itu Balai Raya ini berperanan juga sebagai perpustakaan di mana terdapat buku-buku dari berbagai-bagai jenis yang boleh dipinjam oleh ahli-ahlinya dari berbagai lapisan umur. Begitu juga semua trofi-trofi kemenangan belia dan beliawanis dalam beberapa pertandingan sukan atau keugamaan seperti nasyid ada disimpan di Balai Raya ini.

Sebuah masjid bagi kemudahan peneroka-peneroka mendirikan sembahyang beramai-ramai telah didirikan pada tahun 1967. Di samping itu masjid ini juga berfungsi sebagai tempat memberi ceramah-ceramah ugama atau kelas-kelas ugama setiap minggu oleh guru-guru ugama atau SDA(U) atau pada acara-acara tertentu. Acara-acara yang dimaksudkan ialah seperti Israk dan Mikraj, Maulud Nabi dan sebagainya. Masjid ini sentiasa penuh sesak oleh peneroka-peneroka setiap kali tibanya waktu azan sembahyang fardu. Pendek kata segala kegiatan keugamaan akan diadakan di sini. Biasanya berita-berita mengenai kematian atau mengenai satu-satu mesyuarat yang akan diadakan, akan diumumkan oleh Imam masjid selepas sembahyang. Oleh itu di samping peranan keugamaan, masjid ini juga mempunyai peranan sosial yang tertentu. Terdirinya masjid di sini melambangkan betapa pentingnya peranan masjid sebagai sebuah institusi keugamaan.

Oleh kerana Gerakan Persatuan Wanita (GPW) merupakan pergerakan yang sangat aktif dan yang dipelopori oleh kaum wanita sendiri, maka sebuah rumah GPW telah dibina pada tahun 1980 oleh peneroka-peneroka sendiri. Tujuan utama tempat ini didirikan ialah bagi mengadakan mesyuarat-mesyuarat bulanan dan tahunan. Tempat ini telah dilengkapi dengan bilik kecil yang dibuat sebagai dapur untuk kemudahan-kemudahan menghidangkan jamuan-jamuan bagi mesyuarat-mesyuarat tertentu.

Di samping itu juga terdapat kemudahan bagi kepentingan ekonomi. Misalnya terdapat sebuah Kedai Perbadanan Niaga FELDA (PNE) yang telah dibina oleh FELDA pada tahun 1967. Deretan gerai-gerai ini merupakan kedai yang menjual barang-barang runcit serta barang-barang makanan seperti sayur-sayuran dan ikan untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan ini. Sebuah "Rumah Koperasi" telah ditubuhkan pada tahun 1974. Ia merupakan badan pelaburan untuk menggalakkan penyimpanan wang di kalangan ahli-ahlinya.

Bagi kemudahan-kemudahan peneroka berihat sambil menjamu selera mereka telah mendirikan sebuah warung pada tahun 1974. Berbagai-bagai jenis kuih untuk sarapan pagi dan minuman petang ada dijual di sini.

Untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk rancangan, sebuah pondok Rukun Tetangga telah didirikan.

Pondok ini dikawal secara bergilir-gilir. Selain itu terdapat juga sebuah pondok telefon awam bagi kegunaan penduduk-penduduk untuk berhubung.

Pusat Memungut Getah telah ditubuhkan pada tahun 1968 untuk memudahkan kerja-kerja menimbang dan mengred getah. Rancangan ini juga mempunyai wakil pos yang bertempat berdekatan dengan Pejabat FELDA. Wakil pos ini menjual setem dan semua surat-surat akan disimpan sehingga peneroka sendiri mengambilnya.

Untuk kemudahan-kemudahan beriadah dan rekreasi bagi belia-belia dan beliawanis, terdapat sebuah padang bola, Padang bola takraw, badminton "court" dan sebuah Taman Selesa yang mempunyai sebuah pentas. Latihan-latihan sukan sentiasa dijalankan di tempat-tempat yang telah dikhaskan tadi.

Sementara itu kemudahan-kemudahan yang masih dalam perancangan ialah pembinaan Balai Polis dan sebuah Balai Bomba. Terdapat beberapa projek sementara yang sedang dikendalikan misalnya projek belia yang sedang aktif menjalankan projek ternakan ayam, ikan air tawar dan projek tanaman kelapa.

Dari segi infrastrukturnya terdapat jalan-jalan bertar yang menghubungkan semua peringkat perkampungan FELDA.

Terdapat juga lorong-lorong kecil yang tidak bertar bagi laluan kenderaan kecil seperti motor dan basikal. Lorong-lorong ini melalui kawasan dalam ladang getah. Dari segi pengangkutan pula tidak terdapat sebarang kenderaan awam seperti bas atau teksi untuk mengangkut penduduk dari satu peringkat ke satu peringkat dalam rancangan itu sendiri. Ini amat menyukarkan penduduk-penduduk kerana jalan keluar atau masuk ke perkampungan FELDA adalah sejauh dua batu. Oleh itu mereka terpaksa berjalan kaki atau menumpang kenderaan yang secara kebetulan lalu di situ. Sebab itulah tidak hairan kenapa kebanyakan daripada peneroka mempunyai motor sebagai kenderaan utama mereka. Tetapi pada masa kini perkhidmatan bas-bas disediakan oleh pihak FELDA dalam kawasan perkampungan bagi kemudahan penduduk-penduduk pergi ke tempat-tempat di luar rancangan.

3.6 Pentadbiran

Pejabat FELDA Air Hitam telah ditubuhkan pada tahun 1963. Pejabat ini mempunyai sebelas orang kakitangan yang mengendalikan berbagai-bagai aktiviti untuk melicinkan lagi perlaksanaan pembangunan peneroka-peneroka. Kakitangan FELDA ini diketuai oleh seorang Pengurus iaitu Encik Wahab Leman yang bertanggungjawab di dalam segala hal perkembangan peneroka-peneroka di FELDA ini. Kakitangannya juga terdiri daripada seorang Penolong Pengurus, tiga orang Penyelia

Yang mengawasi ketiga-tiga peringkat ladang FELDA. Terdapat juga seorang "Field Assistant". seorang Penolong Pembangunan Peneroka Wanita SDA (W) yang mengawasi segala hal ehwal para penerokawati, seorang Penolong Pembangunan Peneroka iaitu seorang Ustaz SDA (U) yang mengawasi bahagian keagamaan, dua orang kerani, seorang jurutaip, dua orang pemandu Land-rover dan akhir sekali seorang pembantu pejabat.

Di peringkat rancangan ini pula telah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR). JKKR ini adalah merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab dan yang mewakili peneroka-peneroka yang mewakili pertubuhan-pertubuhan di rancangan. Ia dianggap sebagai "badan tertinggi" yang membuat keputusan peneroka-peneroka sebagai wakil dalam badan JKKR. Jawatankuasa ini dianggotai oleh "Ketua-ketua Blok" yang dipilih oleh peneroka-peneroka dalam tiap-tiap blok untuk mewakili mereka. Mengikut sistem JKKR, terdapat tiga belas blok semuanya. (Sila lihat Lampiran A dan B)

Di antara tujuan-tujuan JKKR ialah:

- (i) Untuk mengadakan sistem perwakilan peneroka
- (ii) Untuk pembangunan dan kemajuan rancangan
- (iii) Segala kegiatan dan aktiviti adalah di kendalikan oleh JKKR dan di antara kemajuan-kemajuan yang dicapai ialah

meninggikan hasil keluaran peneroka.

Ia juga bertanggungjawab menguruskan bantuan dalam membersihkan kebun getah misalnya membekalkan kemudahan api letrik ke Balai Raya, menganjurkan kursus kepimpinan bagi lima belas orang ketua blok, projek-projek kegiatan ekonomi dan pertanian dengan kerjasama badan-badan sukarela yang bergabung dengannya.

- (iv) Sebagai badan yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti badan peneroka yang lain seperti Persatuan Belia, GPW dan lain-lain.

Lazimnya JKKR akan mengadakan mesyuarat pada tiap-tiap bulan untuk membincangkan kemajuan dan masalah-masalah yang melibatkan skim perkembangan. Di bawah peranan JKKR yang diperluaskan, beberapa biro lagi telah ditubuhkan untuk mengendalikan tugas-tugas mengatur, mengawasi dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, keagamaan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti peneroka yang bersifat pengetahuan.

JKKR di Rancangan FELDA Air Hitam diketuai oleh seorang Pengerusi iaitu Pengurus Rancangan, Naib Pengerusi iaitu Encik Yusoff bin Ahmad (Ketua Blok 4), seorang Setiausaha (Ketua Blok 3), dan seorang Bendahari Encik

Mohd. Liya (Ketua Blok 8). Semua ketua-ketua blok akan menjadi ahli JKRR secara otomatis. Oleh itu lazimnya terdapat sepuluh orang Ahli Jawatankuasa biasa.

Terdapat empat Biro yang ditubuhkan di bawah JKRR. Secara keseluruhannya Biro-biro ini diketuai oleh seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan Bendahari. Biro-biro ini ialah:

- (i) Biro Sosial dan Kemasyarakatan - di pengurusikan oleh Encik Rahman Ibrahim
- (ii) Biro Pelajaran dan Latihan - Pengerusi Encik Omar Md. Dan
- (iii) Biro Ekonomi - Pengerusi Encik Hj. Yusoff Hj. Mahadi
- (iv) Biro Ladang - Pengerusi Encik Talib Malek

Di bawah Biro Sosial dan Kemasyarakatan terdapat:

- (i) Jawatankuasa Bilik Bacaan Rancangan
- (ii) Jawatankuasa Perancang Keluarga dan Kesihatan
- (iii) Jawatankuasa Ugama
- (iv) Jawatankuasa Badan Kesenian seperti Kompang dan Gambus.

Di bawah Biro Pelajaran dan Latihan terdapat:

- (i) Jawatankuasa Tadika
- (ii) Jawatankuasa Pelajaran
- (iii) Jawatankuasa Persatuan Ibubapa/Guru

Di bawah Biro Ekonomi terdapat:

- (i) Syarikat Kerjasama Serbaguna
- (ii) Syarikat Pengangkutan

Di bawah Biro Ladang terdapat:

- (i) Jawatankuasa Ladang
- (ii) Jawatankuasa Pusat Memproses Getah
- (iii) Badan Tenaga Pertanian

Jawatankuasa Ladang diketuai oleh seorang Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Terdapat lapan orang Jawatankuasa Blok khusus untuk penjagaan ladang. Fungsi utama jawatankuasa ini ialah untuk menyelaraskan kerja-kerja ladang misalnya membaiki jalan, jambatan, jualan racun lalang, penyembuhan racun lalang, mengawasi kebersihan ladang individu dan sebagainya yang berkaitan dengan kerja-kerja ladang.

Pengerjaan ladang di FELDA Air Hitam adalah menggunakan sistem individu lot. Ianya tidak berdasarkan kepada sistem blok. Adalah difahamkan bahawa Jawatankuasa Ladang ini adalah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat satu, dua dan tiga, dan adalah terletak di bawah pengawasan tiga orang penyelia FELDA. Tiap-tiap peringkat Jawatankuasa ini mempunyai ahli seramai lebih kurang 110 orang. Mesyuarat akan diadakan pada tiap-tiap dua bulan sekali untuk membincangkan masalah ladang jagaannya. Jawatankuasa Ladang ini adalah untuk tempoh tiga tahun dan dipilih oleh peneroka sendiri. Punca kewangan adalah didapati daripada kutipan tiap-tiap ahli sebanyak \$7.00 sebulan.

Selain daripada menyelaraskan perjalanan kelas pra-pendidikan, Jawatankuasa Tadika (di bawah Biro Pelajaran) juga telah mengadakan aktiviti-aktiviti sampingan seperti gotong-royong Tadika. Gotong-royong ini lazimnya diadakan sekali pada tiap-tiap bulan. Kegiatan tersebut diadakan di sekitar kawasan sekolah tadika. Sepanjang pengkajian ini dilakukan, gotong-royong ini telah diadakan pada bulan-bulan Januari, Mac, April dan Mei. Pekerjaan yang dilakukan adalah seperti membersihkan kawasan, membuat batas sayur, memotong pokok pagar, memotong rumput, mengecat rak-rak buku, mengecat sudut pondok dan sebagainya. Pada keseluruhannya kedatangan ibubapa murid-murid murid yang menuntut di tadika adalah sangat menggalakkan ia itu kira-kira 80%.

Di bawah Biro Ekonomi, Syarikat Koperasi Permodalan FELDA Bhd., telah ditubuhkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama Bilangan 33 pada tahun 1948. Peneroka adalah digalakkan menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tujuan pelaburan. Oleh itu tujuan-tujuan badan pelaburan ini ialah untuk:

- (i) Menggalakkan penyimpanan wang di kalangan ahli-ahlinya
- (ii) Untuk mengadakan modal-modal pelaburan bagi wang yang disimpan
- (iii) Untuk meninggikan taraf ekonomi ahli-ahlinya

Tiap-tiap Biro dipengerusikan oleh seorang ahli JKKR dan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua badan-badan yang berkenaan. Pengerusi biasanya akan mengemukakan setiap cadangan atau masalah Biro ke Mesyuarat JKKR supaya dapat dibincangkan untuk membuat keputusan.

Biro-biro akan menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan keputusan-keputusan yang telah ditentukan oleh JKKR dan ahli-ahli Biro melalui perbincangan-perbincangan dalam mesyuarat Biro yang seharusnya diadakan sebelum mesyuarat.

Dengan itu jelaslah bahawa lain-lain badan atau

persatuan yang ditubuhkan adalah tertakluk di bawah naungan JKKR. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan JKKR sebagai jawatankuasa tertinggi untuk menjadi satu-satunya sahaja badan peneroka yang benar-benar bertanggungjawab untuk mengatasi semua masalah yang di hadapi oleh para peneroka.

3.7 Sistem Blok

Di bawah pentadbiran JKKR terdapat 13 buah blok yang terdiri daripada 23 buah rumah. Di tiap-tiap blok terdapat seorang ketua blok yang lazimnya terdiri daripada Peneroka sendiri. Peranan utamanya ialah untuk cuba menyelesaikan masalah ahli-ahli bloknya. Jikalau beliau sendiri tidak dapat menyelesaikannya maka masalah tersebut akan dibawa kepada pihak Pengurus rancangan. Ketua blok ini secara otomatis menjadi ahli JKKR.

Di bawah sistem GPW pula terdapat 15 buah blok dan di tiap-tiap blok terdapat ketua blok yang terdiri daripada ahli GPW sendiri. Tugas ketua blok GPW ini ialah semata-mata untuk menyelesaikan masalah-masalah ahli-ahli GPW dalam bloknya dan beliau akan membuat laporan dalam mesyuarat bulanan GPW.

BAB IV

LATARBELAKANG RESPONDEN

4.1 Jenis Rumahtangga Responden

Dalam bab ini akan diuraikan tentang latarbelakang responden. Jumlah yang terlibat ialah seramai 30 buah rumahtangga yang mengandungi dua puluh enam orang peneroka dan tiga puluh orang isteri peneroka. Jumlah yang tidak seimbang ini adalah disebabkan terdapatnya empat orang janda.

Dalam membincangkan jenis-jenis dan bentuk kekeluargaan, lazimnya struktur kekeluargaan dalam masyarakat tradisi menunjukkan bentuk famili besar (extended family). Sebaliknya masyarakat moden pula menunjukkan bentuk famili kecil (nuclear family). Bentuk famili besar menunjukkan bahawa terdapat suami, isteri, anak-anak, menantu dan cucu yang tinggal bersama-sama dalam sebuah rumahtangga. Jenis-jenis keluarga responden dalam rancangan dapat dilihat Jadual 4.1.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa 25 rumahtangga iaitu 83% adalah terdiri daripada bentuk famili kecil iaitu yang hanya terdiri daripada suami, isteri dan anak. Hanya satu rumahtangga (3%) yang terdiri daripada suami isteri, anak-anak serta seorang ibu mertua. Terdapat 4 rumahtangga atau

Jadual 4.1

Jenis-jenis Rumahtangga Responden
Dalam Rancangan

Jenis	Jumlah	%
SIA	25	83.0
SIAMC	-	-
SIAL	1	3.0
IA*	4	13.0

Catitan: S = Suami I = Isteri A = Anak M = Menantu
C = Cucu L = Lain-lain (Emak/Bapa/Anak saudara)
* = Janda Adik dan lain-lain)

13% yang hanya terdiri daripada isteri dan anak-anak..

Mengenai umur responden dapatlah dilihat dalam

Jadual 4.2.

4.2 Umur

Dari Jadual 4.2 dapat dilihat bahawa kebanyakan Peneroka adalah berumur di antara 46 hingga 55 tahun, iaitu masing-masing sebanyak 35% dan 19%. Sebanyak 15% daripada Peneroka adalah berumur di antara 56 - 60 tahun dan 61 tahun ke atas. Ini menunjukkan bahawa rancangan ini merupakan sebuah rancangan lama.

Jadual 4.2

Umur 30 Ketua Rumahtangga Dan Isteri
Dalam Rancangan

Umur (Tahun	Suami	%	Isteri	%
31 - 35	1	4.0	2	7.0
36 - 40	-	-	3	10.0
41 - 45	3	12.0	8	27.0
46 - 50	9	35.0	11	37.0
51 - 55	5	19.0	5	17.0
56 - 60	4	15.0	1	3.0
61 ke atas	4	15.0	-	-
Jumlah	26	100.0	30	100.0

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa kebanyakan isteri peneroka adalah berumur di antara 46 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 37%. Sebanyak 27% isteri peneroka pula adalah berumur di antara 41 hingga 45 tahun.

Menurut Jadual 4.3 seramai 136 orang anak-anak responden tinggal dalam rancangan iaitu 66% manakala 71 orang lagi anak-anak responden iaitu 34% tinggal di luar Rancangan FELDA Air Hitam. Kebanyakan anak-anak responden

Jadual 4.3

Umur Anak-anak Dari 30 Rumah-
tangga Yang Tinggal Dalam dan Luar Rancangan

Umur	Dalam	%	Luar	%
0 - 5	8	6.0	-	-
6 - 10	26	19.0	-	-
11 - 15	31	23.0	3	4
16 - 20	37	27.0	8	11.0
21 - 25	22	16.0	28	39.0
26 - 30	7	5.0	19	27.0
31 - 35	5	4.0	9	13.0
36 - 40	-	-	4	6.0
Jumlah	136	100.0	71	100.0

Catitan: Jumlah anak-anak dalam 30 rumahtangga ialah 207 orang.

Yang tinggal dalam rancangan adalah berumur di antara 16 - 20 tahun iaitu 27%. Manakala jumlah yang paling rendah iaitu 4% adalah berumur di antara 31 - 35 tahun.

Jumlah anak-anak responden yang tinggal di luar rancangan pula kebanyakannya adalah dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 39%. Seramai 6% anak-anak responden pula berumur antara 36 - 40 tahun.

4.3 Pelajaran

Jadual 4.4

Taraf Pelajaran 30 Ketua Rumahtangga
Dan Isteri

Pelajaran	Suami	%	Isteri	%
Tingkatan 3	1	4.0	1	3.0
Darjah 6	10	38.0	6	20.0
Darjah 5	7	27.0	4	13.0
Darjah 4	4	15.0	8	27.0
Darjah 3	2	8.0	4	13.0
Darjah 2	1	4.0	2	7.0
Darjah 1	-	-	-	-
Tidak bersekolah	-	-	4	13.0
Sekolah Khas Ugama	1	4.0	-	-
Sekolah Dewasa	-	-	1	3.0
Jumlah	26	100.0	30	100.0

Jadual di atas menunjukkan taraf pelajaran 30 rumahtangga atau 56 responden. Dari jadual di atas adalah didapati bahawa sebanyak 38% peneroka mencapai taraf pelajaran tertinggi dalam Darjah 6. Manakala taraf peratus yang terendah sekali yang dicapai ialah dalam Tingkatan 3, Darjah 4 dan Sekolah Khas Ugama iaitu masing-masing sebanyak 1%.

Menurut jadual ini juga, sebanyak 27% daripada isteri peneroka mempunyai taraf pelajaran setakat Darjah 4. Peratus isteri peneroka yang mencapai taraf pelajaran dalam Darjah 6 ialah 20% manakala sebanyak 3% mencapai peringkat Tingkatan 3 dan Sekolah Dewasa. Manakala sebanyak 13% daripada isteri peneroka ini tidak pernah sekolah langsung.

Dengan itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa taraf pelajaran yang tertinggi yang diperolehi oleh kebanyakan peneroka dalam rancangan ini ialah dalam Darjah 6. Ini menunjukkan bahawa rancangan ini adalah sebuah rancangan yang lama.

Menurut Jadual 4.5 anak-anak responden yang berada dalam rancangan adalah berjumlah 138 orang atau 67% manakala anak-anak responden yang berada di luar rancangan berjumlah 69 orang atau 33%.

Mengikut Jadual yang sama sebanyak 2% daripada anak-anak responden yang memperolehi taraf universiti manakala 1% berjaya ke Tingkatan 6. Kebanyakan anak-anak responden mempunyai taraf pelajaran hingga ke Tingkatan 5 iaitu sebanyak 23%, dan sebanyak 17% orang yang memperolehi taraf tertinggi setakat Tingkatan 3.

Sebanyak 46% daripada anak-anak responden yang

Jadual 4.5

Taraf Pelajaran Anak-anak Dari
30 Rumahtangga Di Dalam Dan Luar Rancangan

Pelajaran	Dalam	%	Luar	%
Maktab/Universiti	3	2.0	1	1.0
Tingkatan 6	2	1.0	5	7.0
" 5	32	23.0	32	46.0
" 4	5	4.0	-	-
" 3	23	17.0	16	23.0
" 2	9	6.0	2	3.0
" 1	10	7.0	1	1.0
Darjah 6	14	10.0	12	17.0
" 5	5	4.0	-	-
" 4	5	4.0	-	-
" 3	5	4.0	-	-
" 2	7	5.0	-	-
" 1	3	2.0	-	-
Tadika	4	3.0	-	-
Belum Sekolah	7	5.0	-	-
Tidak Bersekolah	1	1.0	-	-
Darjah Khas Ugama	3	2.0	-	-
Jumlah	138	100.0	69	100.0

berada di luar rancangan memperoleh taraf pelajaran tertinggi dalam Tingkatan 5, 23% dalam Tingkatan 3 dan 1% di peringkat Universiti.

Jadual 4.6

Potensi Anak-anak Dari 30 Rumahtangga Dalam Rancangan Untuk Melanjutkan Pelajaran

Umur	Ting. 6	%	Ting. 5	%	Ting. 3	%	Darjah 6	%
11 - 15	-	-	-	-	4	6	5	7
16 - 20	-	-	17	25	10	15	2	3
21 - 25	2	3	9	13	6	9	2	3
26 - 30	-	-	2	3	2	3	2	3
31 - 35	-	-	2	3	-	-	2	3
36 - 40	-	-	-	-	-	-	-	-
41 - 45	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	2	3	30	44	22	33	13	19

Jadual di atas menunjukkan taraf pelajaran yang dicapai oleh anak-anak responden dalam rancangan iaitu dalam Tingkatan 6, Tingkatan 5, Tingkatan 3 dan Darjah 6.¹

1

Taraf pelajaran ini dipilih kerana ia merupakan pemotongan iaitu di tiap-tiap tingkatan ini diadakan peperiksaan besar.

Jumlah mereka adalah seramai 67 orang.¹ Dalam Tingkatan 6, terdapat 3% yang berumur antara 21 - 25 tahun. Ini menunjukkan mereka berpotensi untuk meneruskan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Dalam Tingkatan 5 pula sebanyak 25% daripada anak-anak responden itu berumur antara 16 - 20 tahun dan ini menunjukkan mereka mempunyai peluang yang amat besar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala terdapat 3% anak-anak responden yang mempunyai taraf pelajaran setakat Tingkatan 5 iaitu yang berumur antara 31 - 35 tahun. Mereka tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran kerana umur yang sudah agak lanjut.

Sebanyak 15% anak-anak responden yang berumur di antara 16 - 20 tahun mempunyai taraf pelajaran dalam Tingkatan 3 dan sebanyak 6% adalah berumur antara 11 - 15 tahun. Jumlah ini mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Dalam Darjah 6 pula sebanyak 7% yang masih berpotensi untuk melanjutkan pelajaran kerana berumur dalam lingkungan 11 - 15 tahun. Manakala jumlah selebihnya sudahpun melebihi had umur untuk melanjutkan pelajaran

1

Jumlah keseluruhan daripada Jadual 4.6.

Jadual 4.7

Potensi Anak-anak Dari 30 Rumahtangga Yang
Berada Di Luar Rancangan Untuk Melanjutkan Pelajaran

Umur	Ting. 6	%	Ting. 5	%	Ting. 3	%	Darjah 6	%
11 - 15	-	-	-	-	1	1	-	-
16 - 20	1	1	6	9	2	3	-	-
21 - 25	1	1	17	25	4	6	4	6
26 - 30	1	1	9	13	7	10	3	4
31 - 35	1	1	2	3	1	1	4	6
36 - 40	-	-	-	-	2	3	2	3
Jumlah	4	4	34	50	17	24	13	19

Jumlah anak-anak responden yang mencapai taraf pelajaran dalam Tingkatan 6, Tingkatan 5, Tingkatan 3 dan Darjah 6 ialah seramai 68 orang atau 33%. Menurut Jadual 4.7 di atas, sebanyak 2% orang adalah dalam pencapaian taraf pelajaran dalam Tingkatan 6. Mereka adalah berpotensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi kerana berumur antara 16 - 25 tahun.

Sebanyak 25% pula memperolehi pencapaian dalam Tingkatan 5 dan berumur di antara 21 - 25 tahun. Dari-pada pemerhatian, adalah didapati bahawa mereka ini tidak

berpotensi untuk melanjutkan pelajaran kerana telahpun bekerja. Begitu juga didapati dengan anak-anak responden yang berumur antara 26 - 35 tahun. Manakala 9% pula mempunyai potensi yang luas untuk melanjutkan pelajaran lagi kerana berumur antara 16 - 20 tahun.

Dalam pencapaian pelajaran setakat Tingkatan 3 hanya 1% yang berpotensi untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan yang lebih tinggi kerana berumur antara 11 - 15 tahun. Sebanyak 10% pula adalah berumur antara 26 - 30 tahun di mana pencapaian pelajaran mereka adalah setakat Tingkatan 3.

Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa anak-anak responden yang berumur antara 21 hingga 40 tahun yang berada di luar rancangan tidak mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Ini adalah kerana mereka merupakan pelepasan sekolah dan telahpun bekerja.

Dari jadual-jadual dapat dibuat kesimpulan bahawa taraf pelajaran di rancangan ini masih rendah kerana tidak ramai anak-anak responden yang telah mencapai ke peringkat Tingkatan 6 atau universiti.

4.4 Sebab-sebab Tinggal Di Luar Rancangan

Jadual 4.8

Sebab-sebab Anak-anak Peneroka Tinggal Di
Luar Rancangan

Maktab/ Sekolah	%	Kerja	%	Kahwin	%	Lain- lain*	%	Jumlah
5	7.0	50	70.0	11	15.0	5	7.0	71

Mengikut Jadual 4.8 di atas, terdapat 71 orang anak-anak responden yang tinggal di luar rancangan atas sebab-sebab tertentu. Terdapat empat sebab-sebab yang di berikan di atas. Seramai 7% orang berada di luar rancangan atas sebab-sebab bersekolah, seramai 70% pula sedang bekerja di luar rancangan. Sebanyak 15% pula telah berkahwin dan mengikuti suami mereka berpindah ke tempat lain di luar rancangan. Manakala sebanyak 7% pula tinggal di luar rancangan atas sebab-sebab lain.

4.5 Jenis Kerja

Menurut jadual di sebelah, 85% daripada peneroka membuat kerja-kerja tetap dalam rancangan iaitu menoreh

*

Lain-lain = Tinggal di rancangan-rancangan lain sebagai peneroka, dan kursus di Trolak.

Jadual 4.9

Jenis kerja 30 Rumahtangga Dalam Rancangan

Jenis Kerja	Suami	%	Isteri	%
Kerja tetap dalam rancangan	23	85.0	5	17.0
Kerja tetap luar rancangan	1	4.0	-	-
Kerja sampingan	4	15.0	18	60.0
Jumlah	28	100.0	23	77.0

getah. Hanya seorang saja yang bekerja tetap di luar dari rancangan iaitu sebagai buruh manakala 15% yang membuat kerja-kerja sampingan.

Bagi isteri-isteri peneroka pula, sebanyak 17% yang bekerja tetap dalam rancangan dan sebanyak 60% isteri pula membuat kerja-kerja sampingan dalam rancangan.¹

Mengikut Jadual 4.10 sebanyak 12% daripada peneroka membuat kerja sampingan seperti menukang dan hanya 4% yang menjadikan gunting rambut sebagai kerja sampingan. Dengan itu didapati hanya 16% peneroka yang membuat kerja sampingan.

¹

Kerja sampingan juga termasuk membantu suami menoreh getah di ladang tanpa mendatangkan upah.

Jadual 4.10

Jenis Kerja Sampingan

Jenis Kerja	Bilangan	Peratus
Menukang, potong kayu	3	12.0
Gunting rambut	1	4.0
Jumlah	4	16.0

Jadual 4.11

Jenis Kerja Sampingan Isteri Peneroka

Jenis Kerja	Bilangan	Peratus
Menjahit baju	5	17.0
Mengajar mengaji	1	3.0
Tukang andam	1	3.0
Menjual kain	1	3.0
Jumlah	8	26.0

Jadual di atas menunjukkan 4 jenis kerja sampingan isteri peneroka. Sebanyak 17% yang mengambil upah menjahit baju kurung dan yang lain-lain hanya 3%. Oleh itu pada amnya hanya 26% daripada 30 isteri peneroka yang melakukan kerja-kerja sampingan yang mendatangkan pendapatan.

4.5(a) Cara Menoreh

Jadual 4.12

Cara Menoreh Dari 30 Rumahtangga

Cara Menoreh	Bilangan	Peratus
Menoreh Sendiri	27	90.0
Mengupah Orang	3	10.0
Jumlah	30	100.0

Mengikut jadual di atas sebanyak 90% daripada responden menoreh ladang mereka sendiri dan sebanyak 10% pula mengupah orang untuk menoreh getah di ladang mereka.

Jadual 4.13

Pembantu Peneroka Dalam Pekerjaan
Ladang

Pembantu	Bilangan	Peratus
Pembantu Isteri	16	62.0
Anak-anak	8	31.0
Isteri dan anak-anak	2	7.0
Jumlah	26	100.0

Mengikut jadual di atas sebanyak 62% tenaga ladang adalah bantuan daripada isteri-isteri peneroka.

Bantuan mereka ini adalah sepenuh masa tanpa mendapat bayaran upah. Sebanyak 31% anak-anak membantu peneroka di ladang manakala 7% pula merupakan bantuan isteri dan anak-anak.

4.6 Pendapatan

Jadual 4.14

Pendapatan Bagi 30 Rumahtangga

Sebulan	Bilangan							
	Suami	%	Isteri	%	Sumber Lain	%	Keluarga	%
300 & kurang	2	8	6	55	19	63	-	-
301 - 400	9	35	3	27	1	3	3	10
401 - 500	13	50	-	-	-	-	13	43
501 - 600	1	4	2	18	-	-	7	23
601 - 700	-	-	-	-	-	-	3	10
701 - 800	1	4	-	-	-	-	-	-
801 - 900	-	-	-	-	-	-	3	10
901 - 1000	-	-	-	-	-	-	-	-
1001 - 1100	-	-	-	-	-	-	1	3
1101 ke atas	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	26		11		20		30	

Jadual 4.14 menunjukkan sebanyak 50% peneroka menerima pendapatan antara \$400.00 - \$500.00 sebulan dan sebanyak 35% peneroka menerima pendapatan antara \$301.00 - \$400.00 sebulan. Ini menunjukkan bahawa pendapatan purata peneroka ialah sebanyak \$401.00 - \$500.00 sebulan. Bagi isteri-isteri peneroka pula seramai enam orang memperolehi pendapatan antara \$300.00 dan kurang pada setiap bulan. Pendapatan daripada sumber-sumber lain adalah kesemuanya daripada bantuan anak-anak peneroka dan sebanyak 63% adalah di antara \$300.00 dan kurang setiap bulan.

Oleh itu mengikut jadual, sebanyak 43% peneroka memperolehi pendapatan keluarga antara \$401.00 - \$500.00 sebulan. Sebanyak 23% pula memperolehi pendapatan keluarga antara \$501.00 - \$600.00 sebulan. Hanya seorang peneroka sahaja yang memperolehi pendapatan keluarga antara \$1001.00 - \$1100.00 sebulan.

Sebagai kesimpulan, semasa kajian dijalankan, purata pendapatan keluarga bagi sebulan adalah antara \$401.00 - \$500.00.

4.7 Penyertaan Dalam Kumpulan Sosial dan Keagamaan

Jadual 4.15 menunjukkan penyertaan responden-

Jadual 4.15

Penyertaan 30 Rumahtangga Dalam Kumpulan
Sosial Dan Keagamaan

Nama Kumpulan	Peringkat		Penyertaan			
	Ran- cangan	Blok	AJK		Ahli Biasa	
			Suami	Isteri	Suami	Isteri
JKKR	/	-	3	-	23	-
GPW	/	-	-	11	-	19
UMNO	/	-	4	8	22	22
Yasin		/	2	3	24	27
Gotong- Royong		/	-	1	26	29
Pakatan kahwin		/	-	3	26	27
Jawatankuasa ladang	/		9	-	17	-

responden dalam kumpulan sosial dan keagamaan di peringkat rancangan dan blok. Dalam jadual di atas seramai 3 orang peneroka menjadi AJK dalam JKKR, 4 orang menjadi AJK UMNO, 2 orang AJK Yasin dan 9 orang menjadi AJK dalam Jawatankuasa Ladang. Jumlah peneroka yang menjadi Ahli Jawatankuasa dalam kumpulan peringkat rancangan dan blok ialah seramai 18 orang. Bagi isteri peneroka pula seramai 11 orang menjadi AJK dalam Persatuan GPW, 8 orang menjadi AJK UMNO,

3 orang AJK Yasin, seorang AJK gotong-royong dan 3 orang menjadi AJK Pakatan Kahwin. Jumlah isteri peneroka yang menjadi AJK ialah seramai 26 orang.

Dalam penyertaan sebagai ahli biasa, seramai 23 orang peneroka menjadi ahli biasa dalam JKKR, seramai 22 orang ahli dalam UMNO, 24 orang ahli Kumpulan Yasin, 26 ahli dalam kumpulan gotong-royong dan Pakatan Kahwin dan seramai 17 ahli biasa dalam Jawatankuasa Ladang.

Bagi isteri peneroka pula seramai 19 orang menjadi ahli biasa dalam GPW, seramai 22 orang ahli biasa UMNO, dan 27 orang yang menjadi ahli biasa Kumpulan Yasin. Manakala dalam kumpulan gotong-royong pula terdapat 29 orang ahli biasa dan dalam pakatan kahwin seramai 27 orang yang menjadi ahli biasa.

4.7(a) Sebab-sebab Menyertai

Bagi sebab-sebab menyertai kumpulan peringkat rancangan, sebanyak 5 sebab telah diberikan dalam jadual 4.16. Sebanyak 46% daripada responden telah menjadikan sebab persatuan FELDA sebagai sebab utama. Selain itu yang penting juga ialah sebab kedua di mana 38% telah menjadikannya sebagai pilihan kedua. Seterusnya sebanyak 31% peneroka memilih sebab ketiga sebagai pilihan 3.

Tiada peneroka yang memilih sebab ikut kawan. Oleh itu sebab ini bukanlah menjadi alasan bagi peneroka menyertai kumpulan di peringkat rancangan.

Jadual 4.16

Sebab-sebab Responden Menyertai Kumpulan
Peringkat Rancangan Mengikut Pilihan Keutamaan

Sebab Menyertai	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Sebagai Peraturan FELDA	12	46	9	35	5	19
Banyak dapat faedah	7	27	10	38	9	35
Menghabiskan masa lapang	2	8	5	19	8	31
Minat dalam kesatuan	3	12	1	4	1	4
Ikut kawan	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

Bagi isteri-isteri peneroka yang berjumlah 30 orang di antara 5 sebab-sebab yang telah diberikan, 47% pandangan adalah tertumpu pada sebab pertama sebagai pilihan utama. Sebanyak 43% daripada mereka telah memilih sebab-sebab banyak faedah sebagai pilihan kedua. Manakala sebanyak 27% telah menjadikan minat dalam kesatuan sebagai pilihan ketiga. Tiada isteri peneroka yang telah memilih sebab ikut kawan sebagai pandangan mereka. Keterangan tersebut dapat dilihat dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17

Sebab-sebab Isteri Rancangan Menyertai Kumpulan
Peringkat Rancangan

Sebab Menyertai	Isteri					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Sebagai Peraturan FELDA	14	47	9	30	8	27
Banyak dapat faedah	8	27	13	43	5	17
Menghabiskan masa lapang	2	7	3	10	5	17
Minat dalam Kesatuan	3	10	3	10	8	27
Ikut Kawan	-	-	-	-	-	-

Bagi sebab-sebab menyertai kumpulan peringkat blok, Jadual 4.18 menunjukkan bahawa 50% peneroka memilih sebab utama sebagai banyak faedah. Sebanyak 62% peneroka telah menjadikan pilihan kedua sebagai mustahak bagi masyarakat sementara 73% memilih sebab adanya kaitan dengan ugama sebagai pilihan ketiga. Walaupun dipilih sebagai pilihan ketiga tetapi peratus yang tinggi menunjukkan bahawa kebanyakan pandangan peneroka lebih cenderung ke arah keugamaan.

Jadual 4.18

Sebab-sebab Responden Menyertai Kumpulan
Di Peringkat Blok

Sebab Menyertai	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Banyak Faedah	13	50	9	-	4	-
Ikut Kawan	-	-	-	-	-	-
Mustahak bagi masyarakat	9	-	16	62	1	-
Ada kaitan bagi Ugama	10	-	11	-	19	73
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

Jadual 4.19, didapati isteri peneroka sebanyak 50% telah memilih sebab banyak faedah sebagai pilihan utama. Kira-kira 53% pula daripada mereka bersetuju menjadikan sebab mustahak bagi masyarakat sebagai pilihan kedua. Sebagai pilihan ketiga pula kira-kira 33% telah memilih sebab yang ketiga juga. Tiada seorang isteri peneroka pun yang memilih sebab kedua sebagai salah satu sebab bagi menyertai kumpulan peringkat blok ini.

4.8 Pandangan Peneroka Untuk Menjadi Pemimpin

Jadual 4.20 menunjukkan mengenai aspek untuk menjadi pemimpin, sebanyak 65% telah memilih sifat amanah

Jadual 4.19

Sebab-sebab Isteri Responden Menyertai Kumpulan
Peringkat Blok

Sebab Menyertai	Isteri					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Banyak Faedah	15	50	8	27	8	27
Ikut kawan	-	-	-	-	-	-
Mustahak bagi masyarakat	9	29	16	53	10	33
Kaitan dengan ugama	6	20	6	20	9	29
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

Jadual 4.20

Pandangan Peneroka Bagi Kriteria Untuk
Menjadi Pemimpin

Jenis Syarat	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Amanah	17	65	9	35	6	23
Berpengalaman	3	12	13	50	5	19
Pelajaran Tinggi	2	8	-	-	7	27
Pandai Bercakap	2	8	3	12	3	12
Bijak dalam selok-belok Ugama	2	8	1	4	6	23
Kaya atau mewah	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

sebagai syarat yang pertama dan 12% pula memilih faktor pengalaman sebagai pilihan utama. Sebagai pilihan kedua, sebanyak 50% berpendapat bahawa faktor pengalaman merupakan kriteria yang kedua penting untuk menjadi pemimpin. Sebanyak 27% telah memilih pelajaran tinggi sebagai kriteria yang ketiga pentingnya. Mengikut jadual, tidak terdapat seorang peneroka pun yang berpendapat bahawa syarat kaya dijadikan kriteria untuk menjadi pemimpin. Kajian menunjukkan bahawa para peneroka lebih mementingkan sifat-sifat amanah, pengalaman dan sedikit sebanyak bijak dalam selok-belok ugama sebagai sikap yang mesti ada pada seseorang pemimpin.

Jadual 4.21 di sebelah, didapati isteri-isteri peneroka pula sebanyak 63% berpendapat bahawa syarat utama yang mesti ada pada seorang pemimpin ialah mesti amanah. Sebagai pilihan kedua sebanyak 50% mengatakan pengalaman sebagai syarat yang kedua penting. Tidak ada orang yang memilih syarat kaya sebagai pilihan 1 atau 2. 30% daripada isteri peneroka memilih pelajaran tinggi sebagai pilihan ketiga untuk menjadi pemimpin. Hanya seorang sahaja yang berpendapat bahawa syarat kaya perlu ada sebagai kriteria yang ketiga penting.

Dengan itu dapatlah dilihat bahawa isteri-isteri peneroka tidak menganggap faktor kaya sebagai ukuran untuk

Jadual 4.21

Pandangan Isteri Peneroka Bagi Kriteria Untuk
Menjadi Pemimpin

Jenis Syarat	Isteri					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Amanah	19	63	8	27	6	20
Berpengalaman	5	17	15	50	6	20
Pelajaran Tinggi	3	10	4	13	9	30
Pandai Bercakap	-	-	1	3	3	10
Bijak dalam selok-belok ugama	3	10	2	7	5	17
Kaya atau mewah	-	-	-	-	1	3
Lain-lain	-	-	-	-	-	-

menjadi pemimpin. Mereka lebih mementingkan amanah dan pengalaman sebagai faktor yang lebih penting.

Di dalam Jadual 4.22 pemilihan ketua blok amatlah penting bagi penduduk di rancangan FELDA. Jadual ini menunjukkan 5 jenis orang yang layak untuk menjadi Ketua Blok. Sebanyak 73% peneroka berpendapat orang yang berpelajaran sebagai kelayakan yang utama. Sebagai pilihan kedua pula sebanyak 42% memilih orang yang kuat politik dan sebanyak 7% yang memilih kelayakan yang lain daripada yang diberikan seperti amanah. Sebagai pilihan ketiga 31% peneroka memilih orang

Jadual 4.22

Pemilihan Peneroka Tentang Kelayakan Untuk
Jadi Ketua Blok

Jenis Orang	Suami					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Alim Ulamak	3	12	4	15	8	31
Berpelajaran	19	73	9	35	7	30
Ada harta	-	-	-	-	-	-
Keturunan bangsawan	-	-	-	-	-	-
Kuat politik	4	15	11	42	6	23
Lain-lain	-	-	2	7	-	-

alim ulamak. Tidak ada seorang pun yang memilih orang yang berharta atau dari keturunan bangsawan sebagai layak untuk menjadi ketua blok.

Oleh itu menurut pandangan peneroka-peneroka harta atau keturunan bukanlah ukuran untuk menjadi ketua blok. Sebaliknya pelajaran dan kuat politik yang dipentingkan.

Menurut Jadual 4.23 di sebelah, sebanyak 63% isteri peneroka berpendapat orang yang berpelajaran sebagai pilihan yang utama. Sebagai pilihan kedua sebanyak 30% yang

Jadual 4.23

Pemilihan Isteri Peneroka Tentang Kelayakan
Untuk Jadi Ketua Blok

Jenis Orang	Isteri					
	Pilihan 1	%	Pilihan 2	%	Pilihan 3	%
Alim Ulamak	4	13	9	30	8	27
Berpelajaran	19	63	8	27	7	23
Ada Harta	-	-	-	-	-	-
Keturunan bangsawan	-	-	-	-	-	-
Kuat Politik	6	20	7	23	9	30
Lain-lain	1	3	-	-	-	-

mengatakan orang alim ulamak layak menjadi ketua blok, dan sebagai pilihan ketiga sebanyak 30% isteri peneroka telah memilih orang kuat politik sebagai yang layak menjadi ketua blok. Tidak ada seorang pun yang memilih orang yang ada harta dan orang keturunan bangsawan sebagai yang layak untuk menjadi ketua blok.

Kesimpulannya, isteri-isteri peneroka berpendapat bahawa mereka lebih mengutamakan orang berpelajaran dan kuat politik sebagai orang yang layak untuk menjadi ketua blok.

BAB V

KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA

5.1 Jawatankuasa Kemajuan Rancangan

Kumpulan sosial di Rancangan FELDA Air Hitam boleh dibahagikan kepada kumpulan yang rasmi dan tidak rasmi. Terdapat sebelas buah pertubuhan yang rasmi yang terletak di bawah naungan JKJR Wilayah. Pertubuhan-pertubuhan ini ialah JKJR, Jawatankuasa Ladang Peringkat 1, 2 dan 3, Pertubuhan Belia, Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Tadika, GPW, Jawatankuasa Perancang Keluarga, Jawatankuasa Sekolah UGAMA dan Jawatankuasa Sukan dan Senibudaya.

Dalam pembangunan sosial, Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKJR) telah memainkan peranan yang amat besar sekali. Tujuan utama JKJR adalah untuk mengadakan sistem perwakilan peneroka, untuk pembangunan dan kemajuan rancangan, segala kegiatan-kegiatan yang dikendalikan oleh JKJR dan di antara kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh JKJR adalah untuk meninggikan hasil keluaran peneroka. Ini termasuklah bantuan dalam membersihkan kebun getah.

5.1.(a) Biro-biro Di Bawah Jawatankuasa Kemajuan Rancangan

Secara otomatis semua peneroka adalah ahli

kepada JKKR. Oleh kerana JKKR merupakan sebuah bandar yang pentadbir di rancangan FELDA maka jawatankuasa, lain adalah merupakan biro-biro di bawah penyelenggaraannya. Di bawah Biro Ladang terdapat Jawatankuasa Ladang bagi peringkat satu, dua dan tiga. Jawatankuasa Ladang peringkat satu telah ditubuhkan pada tahun 1968, Jawatankuasa Ladang peringkat dua pada 1969 dan Jawatankuasa Ladang peringkat tiga telah ditubuhkan pada tahun 1971. Semua Jawatankuasa Ladang di ketiga-tiga peringkat mempunyai seorang Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sementara Ahli Jawatankuasa lain terdiri daripada lapan orang yang mewakili lapan blok. Ahli Jawatankuasa daripada blok-blok ini telah dilantik khusus untuk penjagaan ladang-ladang. Mengikut sistem JKKR, terdapat sebelas blok di mana terdapat sebelas orang ketua blok yang dilantik daripada tiap-tiap blok. Mereka dipilih berdasarkan kriteria-kriteria seperti amanah, aktif dan tegas. Pilihan seorang ketua blok adalah dibuat secara undian.

Fungsi utama Jawatankuasa Ladang adalah untuk menyelaraskan kerja-kerja di ladang misalnya memperbaiki jalan, jambatan, jualan racun serta kebersihan ladang individu. Mesyuarat bagi Jawatankuasa Ladang diadakan sekali pada tiap-tiap dua bulan untuk membincangkan masalah-masalah ladang di bawah jagaan Ahli Jawatankuasa. Sistem perladangan di rancangan ini adalah berupa sistem lot

individu. Bagaimanapun tiap-tiap peringkat Jawatankuasa Ladang mempunyai seorang Penyelia yang mengawasi dan mengendalikan pentadbiran ladang-ladang. Penyelia-penyelia ini terdiri daripada kakitangan FELDA. Sumber kewangan didapati daripada kutipan yuran yang dikenakan ke atas tiap-tiap ahlinya iaitu sebanyak \$7.00 sebulan. Tiap-tiap peringkat mempunyai seramai 110 orang ahli dalam Jawatankuasa Ladang. Jawatan-jawatan dalam Jawatankuasa Ladang adalah terhad untuk tiga tahun sahaja dan ahli-ahlinya adalah di pilih oleh peneroka-peneroka sendiri.

Pertubuhan Belia FELDA Air Hitam telah ditubuhkan pada bulan April 1980 dan didaftarkan di bawah Akta 1966 seksyen 7. Anggota-anggotanya yang berdaftar iaitu belia dan beliawanis yang melibatkan diri dalam aktiviti Belia ialah seramai 280 orang yang terdiri daripada 177 orang lelaki dan 143 perempuan. Jumlah belia dan beliawanis dalam rancangan ialah tidak kurang daripada 540 orang. Jumlah yang berkecimpung dalam aktiviti belia adalah tidak lebih daripada 60%. Belia-belie yang ditakrifkan adalah berumur dalam lingkungan lapan belas hingga 33 tahun. Kekurangan penglibatan belia-belie dalam aktiviti belia adalah disebabkan kebanyakan mereka sibuk dengan pekerjaan dan oleh itu mereka tidak mempunyai masa untuk aktif. Kebanyakan beliawanisnya pula tidak berminat untuk memasuki pertubuhan belia ini.

Pertubuhan belia di rancangan ini telah di gabungkan dengan dua pertubuhan lain iaitu Majlis Belia Wilayah Johor Tengah dan Majlis Belia Kluang. Pengurus di rancangan juga merupakan penaung yang berperanan sebagai penasihat. Pegawai Panyelaras yang bertanggungjawab di atas segala aktiviti belia terdiri daripada seorang kaki-tangan FELDA. Penasihatnya pula ialah juga Pengerusi Biro Sosial dan Kemasyarakatan dalam JKJR. Segala masalah belia adalah disalurkan melalui Penasihat tersebut. Pengerusi Belia adalah wakil tetap dalam JKJR. Oleh itu beliau dapat mengemukakan masalah-masalah belia dalam rancangan.

Projek-projek belia di Rancangan Air Hitam dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu projek-projek sosial, keagamaan dan ekonomi. Mesyuarat bagi Ahli Jawatankuasa Kecil biasanya diadakan pada tiap-tiap tiga bulan sekali. Tujuannya ialah untuk membentangkan masalah-masalah serta cadangan-cadangan yang akan diaturkan.

5.2 Aktiviti Sosial Belia - Peringkat Rancangan

Kebanyakan aktiviti sosial belia adalah merupakan aktiviti bulanan. Menurut program belia bagi tahun 1983, kegiatan gotong-royong seharusnya diadakan sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap bulan. Tempat-tempat yang telah di cadangkan untuk menjalankan gotong-royong ialah di kawasan Balai Raya, Taman Selesa, Masjid, Klinik dan di kawasan

Pejabat FELDA. Di samping itu mereka juga telah terlibat dalam gotong-royong menghias pentas untuk Pertandingan Nasyid Sempena Abad 15 di Peringkat Daerah Kluang.

Aktiviti bulanan belia juga termasuklah ceramah-ceramah kerjaya, kepimpinan, ceramah penulisan serta ceramah mengenai dadah.

Aktiviti tahunan bagi Pertubuhan Belia ini ialah Perayaan Hari Belia. Bagi tahun 1983 ini, beberapa acara menarik telah dicadangkan iaitu Pertandingan Nyanyian, Sukan Rakyat, Pamiran, Pakaian Beragam serta acara Sukan.

5.2.(a) Aktiviti Bilik Bacaan

Aktiviti Bilik Bacaan merupakan salah satu aktiviti sosial belia yang agak penting. Ianya telah ditubuhkan pada bulan Januari 1983. Semasa kajian dibuat, terdapat seramai lapan puluh dua ahli yang berdaftar dan yang sering menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di bilik bacaan ini.

Ahli Jawatankuasa Bilik Bacaan ini terdiri daripada tujuh orang beliawanis. Ini adalah kerana belia-belie yang sanggup memikul tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa tidak dapat meluangkan masa samada kerana telah bekerja atau masih bersekolah. (Belia-belie yang masih bersekolah pula terpaksa menghadiri kelas tambahan atau latihan sukan pada waktu petang). Bilik Bacaan ini dibuka pada tiap-tiap hari

Selasa, Khamis dan Sabtu dari pukul tiga hingga lima petang. Yuran pendaftaran yang dikenakan pada setiap ahli ialah 20 sen.

Bilik Bacaan ini setakat ini mempunyai kira-kira dua ratus buah buku. Di samping itu ia juga membuat pinjaman buku-buku daripada perpustakaan bergerak berdasarkan borang yang disertakan. Bermacam-macam jenis buku telah disediakan untuk semua peringkat umur misalnya buku cerita berbentuk fiksyen dan bukan fiksyen, buku-buku rujukan peperiksaan dan berbagai-bagai jenis majalah. Buku-buku tersebut adalah dalam aliran Melayu dan Inggeris. Dari pemerhatian, adalah didapati bahawa kira-kira 50% daripada peminjam-peminjam buku dari Bilik Bacaan ini terdiri daripada kanak-kanak sekolah rendah dan kanak-kanak sekolah menengah rendah.

Selain daripada itu di Bilik Bacaan ini juga disediakan dengan permainan dalam (indoor games) seperti catur, dam dan sahiba. Ini telah menjadikan pertandingan dam dan catur sebagai salah satu aktiviti tahunan belia.

5.2.(b) Aktiviti Kelas Jahitan

KEMAS (Kemajuan Masyarakat) telah membuka beberapa kelas seperti kelas jahitan, gubahan dan kelas masakan khas untuk para beliawanis dan penerokawati. Kelas KEMAS ini telah dianjurkan pada tahun 1980 dan diadakan sebanyak

empat kali sebulan. Tenaga pengajarnya terdiri daripada tiga orang guru KEMAS yang dibayar oleh KEMAS. Kelas-kelas biasanya diadakan di Balai Raya, di bangunan rumah GPW atau di rumah-rumah penerokawati tertentu. Dari pemerhatian adalah didapati bahawa sambutan daripada penerokawati-penerokawati terutamanya adalah sangat memuaskan. Ini adalah kerana pengetahuan-pengetahuan yang mereka terima amatlah berguna.

Walaupun bagaimanapun para beliawanis pula telah menubuhkan kelas jahitan pada Disember 1982. Tenaga pengajarnya terdiri daripada dua orang ahli belia di mana salah seorang daripadanya telah mendapat kursus di Pertak. Tujuan utama kelas jahitan ini ialah untuk melatih para beliawanis supaya dapat membuat baju sendiri.

Kelas jahitan ini mempunyai ahli seramai 38 orang pada setiap masa pengambilan ahli. Jangkamasa belajar menjahit ialah dari enam bulan hingga lapan bulan. Oleh kerana ahlinya ramai, kelas ini telah dibahagikan kepada dua di mana ia diadakan dua kali seminggu iaitu pada tiap-tiap hari Khamis dan Sabtu dari 2.30 petang hingga 3.30 petang. Tiap-tiap ahli dalam kelas jahitan ini dikenakan bayaran sebanyak \$7.00 seorang. Kelas jahitan ini telah mendapat pinjaman daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan berjumlah \$11,400/-. Semasa kajian dijalankan, terdapat lima orang beliawanis yang bekerja mengambil upah menjahit

baju di rumah. Di samping itu kelas jahitan ini juga menggalakkan orang ramai dalam rancangan untuk mengupah baju di kelas ini.

5.2.(c) Jawatankuasa Sukan dan Senibudaya

Selain daripada Pertubuhan Belia, terdapat Jawatankuasa Sukan dan Senibudaya di bawah kelolaan Biro Kemasyarakatan. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 1964. Jawatankuasa Seksinya terdiri daripada enam orang iaitu Pengerusi-pengerusi bagi Seksi Bola Sepak, Seksi Bola Jaring, Seksi Sepak Takraw, Seksi Permainan Dalam, Seksi Badminton dan Seksi Kesenian termasuk Ghazal dan Kompang. Peneroka-peneroka hanyalah sebagai penggerak nadi bagi seksi-seksi tersebut tetapi aktiviti-aktivitinya adalah dijalankan oleh belia dan beliawanis.

Keahlian bagi keenam-enam Seksi Sukan dan Senibudaya ini adalah secara sukarela. Tiap-tiap ahlinya dikenakan yuran sebanyak 60 sen setiap bulan. Pada masa ini pihak FELDA tidak langsung campur tangan dalam Jawatankuasa Sukan dan Senibudaya ini. Ini disebabkan masalah kewangan.

Kebanyakan perlawanan sukan diadakan di luar rancangan. Dalam bidang sukan ini, pertubuhan belia sering memasuki pertandingan sukan antara FELDA-FELDA. Rancangan FELDA Air Hitam adalah terkenal dengan pasukan

bola jaring beliawanis kerana telah banyak memenangi pertandingan-pertandingan di bahagian Zon Selatan iaitu lebih kurang 10 kali.

Pada tahun 1980, satu kumpulan Tarian Belia telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Senibudaya dengan dua belas orang ahli. Latihan tariannya sering diadakan di bangunan tadika. Tetapi sekarang kumpulan tarian ini telah dimansuhkan di atas sebab-sebab keugamaan. Aktiviti senibudaya yang masih lagi aktif ialah Perkumpulan Kompang. Ahlinya terdiri daripada belia dan beliawanis manakala tenaga pengajarnya ialah seorang peneroka. Latihan kompang giat dijalankan pada setiap malam Rabu di rumah salah seorang ahli perkumpulan kompang. Perkumpulan kompang ini sering diundang di majlis-majlis perkahwinan dalam rancangan.

5.3 Jawatankuasa Badan Kesihatan

Akhir sekali dalam kumpulan rasmi di rancangan ini terdapat Jawatankuasa Badan Kesihatan dan Perancang Keluarga. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada enam orang termasuk SDA(W) dan bidan rancangan. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 1962. Tujuan utama badan ini ialah untuk mengawal kelahiran supaya dapat menstabilkan ekonomi keluarga.

Orang yang bertanggungjawab mengelolakan aktiviti

seharian Badan Kesihatan ini ialah seorang bidan yang di datangkan khas daripada Kementerian Kesihatan. Pil-pil perancang keluarga selalunya dijual dengan harga 50 sen satu pekset. Tujuan dikenakan bayaran ialah untuk membantu tabung-tabung lain yang kekurangan kewangan. Daripada 336 keluarga peneroka hanya 138 keluarga atau 42% sahaja yang merancang.

5.4 Aktiviti Ugama Peringkat Rancangan

Jawatankuasa Masjid dan Jawatankuasa Sekolah Ugama adalah merupakan kegiatan rasmi di rancangan ini. Ahli Jawatankuasa kedua-duanya terdiri daripada empat orang iaitu Imam rancangan, SDA(U) dan dua orang peneroka.

Jawatankuasa Masjid telah menganjurkan kelas-kelas ugama pada tiap-tiap malam Khamis. Tenaga pengajar terdiri daripada seorang Imam yang diundang khas dari luar rancangan dan juga Imam Rancangan FELDA Air Hitam sendiri. Kelas ugama bagi kaum wanita pula diadakan pada tiap-tiap petang Jumaat yang diberikan oleh Imam Rancangan FELDA Air Hitam sendiri. Selain daripada itu terdapat kelas berzanji yang diadakan pada tiap-tiap malam Sabtu, Isnin dan Khamis. Kelas berzanji ini dibuka kepada belia-belia dan peneroka.

Jawatankuasa Kelas Ugama telah mengadakan kelas-kelas ugama di Sekolah Ugama FELDA Air Hitam khususnya

untuk kaum wanita di rancangan. Tenaga pengajarnya ialah guru-guru sekolah agama dan Pembantu Pembangunan Peneroka Agama SDA(U). Kelas agama ini diadakan pada tiap-tiap petang Sabtu, manakala kelas-kelas agama di blok-blok pula diadakan pada tiap-tiap hari Rabu. Dari-pada pemerhatian adalah didapati bahawa kedatangan ke kelas-kelas agama ini adalah amat memuaskan dan menggalakkan iaitu kira-kira 80% pada puratanya.

Di samping itu Jawatankuasa Masjid juga telah mengadakan aktiviti tahunan seperti kursus Fardu Kifayah yang diadakan setahun sekali oleh Imam Masjid Jamek di Kluang. Sambutan Maulud Nabi juga merupakan aktiviti tahunan di mana biasanya dua penceramah akan dijemput untuk memberikan ceramah keagamaan kepada penduduk di rancangan ini.

5.5 Aktiviti Sosial - Peringkat Blok

Di peringkat blok aktiviti-aktiviti sosial yang penting ialah gotong-royong dan rewang pengantin.

Gotong-royong lazimnya diadakan sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap bulan. Gotong-royong bahagian penerokawati dilakukan melalui Persatuan GPW. Gotong-royong yang dijalankan oleh para peneroka adalah seperti membersihkan parit, membuat jambatan, membersihkan kawasan masjid dan lain-lain. Biasanya gotong-royong adalah

dilakukan oleh peneroka-peneroka yang sihat dan dalam lingkungan umur pertengahan.

Kajian telah membuktikan bahawa rewang pengantin atau pakatan blok merupakan institusi sosial secara tidak rasmi di mana peneroka-peneroka yang terlibat dapat berintegrasi dan menguatkan ikatan sosial di antara mereka. Bantuan tenaga secara individu atau secara bergotong-royong diberikan kepada keluarga pengantin. Misalnya para peneroka membantu membuat khemah untuk tempat jamuan, mengatur meja-meja dan kerusi, memasak nasi dan sebagainya. Para peneroka juga akan mengumpulkan sumbangan wang daripada tiap-tiap peneroka di blok tersebut iaitu sebanyak \$7.00 seorang untuk diberikan kepada keluarga pengantin. Jika tidak memberi sumbangan dari segi kewangan mereka akan menggantikannya dengan sumbangan barang-barang seperti beras, susu dan gula.

Untuk meluangkan masa memberi bantuan tenaga sepenuhnya kepada keluarga pengantin, peneroka-peneroka di blok-blok tersebut akan mengambil cuti sekurang-kurangnya sehari. Amat jarang sekali terdapat orang-orang yang tidak melibatkan diri langsung kecuali jika ia benar-benar dalam keadaan uzur. Dengan itu, menurut pemerhatian pengkaji, rewang pengantin ini merupakan aktiviti sosial yang paling berkesan dalam mengukuhkan lagi perpaduan

sosial di rancangan ini.

5.6 Aktiviti Ugama - Peringkat Blok

Dari segi ugama pula, Kumpulan Yasin dan Tahlil merupakan aktiviti peringkat blok yang paling penting dan aktif. Tiap-tiap blok akan mengadakan aktiviti Yasin dan tahlil pada tiap-tiap malam Jumaat di rumah salah seorang ahli blok secara bergilir-gilir. Manakala Kumpulan Yasin dan Tahlil bagi kaum wanita pula dilakukan melalui Persatuan GPW. Aspek yang terpenting di sini ialah bahawa aktiviti ini telah dapat mengumpulkan para peneroka dalam satu-satu blok.

Lazimnya, setiap peneroka di dalam blok masing-masing akan hadir dalam kegiatan yasin dan tahlil ini. Hampir semua peneroka-peneroka itu mengakui bahawa aktiviti ini dapat memberi faedah dari segi ugama. Semasa yasin dan tahlil ini juga, berbagai-bagai masalah serta maklumat-maklumat sosial akan dibincangkan oleh ketua blok. Oleh itu aktiviti ini juga berperanan sebagai penyibar maklumat kepada ahli-ahli bloknya misalnya tentang mesyuarat yang akan diadakan atau tentang hal-hal dalam rancangan ataupun di luar rancangan.

5.7 Aktiviti Ekonomi

Dari segi ekonomi, projek-projek yang terpenting

ialah Projek Ternakan Ayam. Projek ini telah dimulakan pada bulan Oktober 1981 dan dikelolakan di bawah Pertubuhan Belia. Ahli yang terlibat ialah seramai empat orang iaitu dua belia dan dua beliawanis. Hanya belia-belia yang mempunyai minat, kemahiran dan pengetahuan tentang ternakan ayam akan dilantik menyertai projek ini.

Projek ini telah mendapat subsidi sebanyak \$8,000/- dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada permulaan projek. Kawasan projek yang dikhaskan ialah seluas tiga suku ekar. Oleh itu dalam satu reban boleh dipelihara lebih kurang 400 - 500 ekor ayam.

Selain daripada itu Pertubuhan Belia juga menjalankan Projek Penternakan Kolam Ikan. Projek ini hanya melibatkan enam orang ahli belia. Projek ini telah dimulakan pada bulan Februari 1983. Beliawanis tidak terlibat kerana projek ini memerlukan penjagaan yang rapi. Sebanyak lima buah kolam telah digunakan dalam projek ini. Kesemua kolam-kolam itu digali oleh peneroka dan belia-belia.

Terdapat lima orang belia yang menjalankan projek penanaman sayur-sayuran di kawasan yang seluas $1\frac{1}{2}$ ekar. Sayur-sayuran yang ditanam adalah seperti kacang, bende dan keledak. Hasilnya dijual kepada pemborong di Air Hitam.

Oleh kerana kajian ini lebih ditumpukan kepada aktiviti sosial dan keagamaan, maka aktiviti ekonomi tidak disebut dengan lebih mendalam.

BAB VI

PERANAN WANITA DALAM GPW

6.1 Latarbelakang GPW

Gerakan Persatuan Wanita telah ditubuhkan pada tahun 1968 di Rancangan FELDA Air Hitam. Semua isteri peneroka adalah menjadi Ahli dalam Gerakan Persatuan Wanita (GPW) di rancangan secara otomatis. Dalam bab ini akan dibincangkan peranan wanita yang dapat dilihat melalui penglibatan mereka dalam GPW.

Persatuan GPW merupakan suatu gerakan yang dipelopori oleh kaum wanita sendiri. Tujuan GPW ialah:¹

- (i) Untuk mewujudkan satu masyarakat wanita yang maju dan progresif yang boleh memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam usaha-usaha meninggikan taraf hidup dan ekonomi keluarga mereka.
- (ii) Mewujudkan semangat kemasyarakatan di kalangan wanita-wanita rancangan.
- (iii) Memberi peluang kepada kaum wanita rancangan mengambil bahagian yang cergas dalam kegiatan wanita di rancangan hingga terbina masyarakat

¹
Garis Panduan GPW, Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial
1979, m.s. 1.

tertentu dan progresif.

6.2 Jawatan Dalam GPW

Perwakilan dalam GPW adalah terdiri dari semua Ketua-ketua Blok Wanita. Tiap-tiap 20 buah rumah akan memilih seorang Ketua Blok Wanita untuk mewakili blok tersebut dalam GPW.

Jawatan-jawatan dalam GPW terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Penolong Setiausaha, Setiausaha dan Bendahari. Kesemua Ahli Jawatankuasa ini dipilih oleh semua penerokawati daripada salah seorang dari Ketua-ketua Blok Wanita. Terdapat 10 orang Ahli Jawatankuasa lain yang terdiri dari lain-lain Ketua Blok Wanita. Pemilihan jawatan di atas dibuat semasa Mesyuarat Agung diadakan di akhir tempoh bertugas GPW. Semua ahli-ahli GPW hendaklah hadir dalam mesyuarat tersebut. Penasihat-penasihat GPW terdiri daripada Pengurus dan SDA(W) Sususan Jawatankuasa GPW adalah seperti Lampiran 'C', 'D'

Program-program GPW dapat dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti sosial dan keugamaan di peringkat rancangan dan aktiviti-aktiviti peringkat blok.

6.2(a) Aktiviti Sosial GPW Peringkat Rancangan

Mesyuarat bagi Ahli Jawatankuasa GPW diadakan

sekali pada tiap-tiap bulan. Dalam tiap-tiap mesyuarat bulanan, SDA(W) akan hadir. Sekiranya seorang Ahli Jawatankuasa tidak dapat hadir dalam mesyuarat, di atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, maka tempatnya akan di gantikan oleh ahli lain daripada bloknya sendiri.

Dari pemerhatian adalah didapati bahawa agenda-agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat GPW adalah mengenai isu-isu semasa misalnya tentang pinjaman untuk membeli kenderaan, pinjaman untuk membeli rumah daripada Koperasi FELDA, mengenai persekolahan anak-anak yang gagal dalam tingkatan 5 dan peluang-peluang untuk mereka belajar semula dan mengenai Dasar Ekonomi Baru khususnya ASN.

Di samping itu, ahli-ahli juga telah diingatkan tentang kepentingan kebersihan kawasan rumah. Sempena kempen kebersihan ini, pihak FELDA Wilayah Tengah telah mengadakan pertandingan yang berupa Rancangan Rumah Contoh atau Rancangan Terbaik. Rancangan Terbaik ini telah di perkenalkan pada dua tahun yang lepas. Pada tahun 1982 FELDA Air Hitam telah menjadi johan dalam pertandingan ini. Mengikut syarakat pertandingan ini, beberapa buah rumah yang cantik dan bersih kawasannya akan dijadikan contoh di rancangan.

Semasa kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kursus dan latihan untuk Ahli Jawatankuasa GPW yang di

jalankan di bangunan GPW atau di Balai Raya misalnya kursus kepimpinan GPW dan kursus buku hijau peringkat 1 dan 2. Kursus kepimpinan untuk ahli-ahli GPW biasanya diadakan pada tiap-tiap suku tahun. Kursus ini diberikan oleh seorang penceramah yang didatangkan khas daripada luar rancangan Air Hitam. Walaupun program ini dikhaskan untuk ahli-ahli GPW tetapi kehadiran juga adalah dibuka untuk bukan ahli.

Kursus kepimpinan untuk ahli GPW Wilayah di adakan sekali pada tiap-tiap dua bulan. Kursus ini di anjurkan oleh pihak FELDA Wilayah Tengah dan penceramah yang diundang juga adalah daripada FELDA Wilayah Tengah sendiri. Setiap kali berkursus hanya empat orang ahli GPW sahaja yang dibenarkan mengikutinya dan mereka dipilih oleh SDA(W). Oleh itu setiap ahli akan berpeluang untuk mengikuti kursus kepimpinan.

6.2(b) Gotong-royong

Gotong-royong merupakan salah satu daripada aktiviti sosial GPW. Biasanya aktiviti ini diadakan sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap bulan seperti di kawasan rumah GPW dan di kawasan sekolah tadika. Antara gotong-royong yang telah dijalankan ialah menghidangkan jamuan sempena Maulud Nabi, membersihkan parit, memotong rumput, membaja pokok dan masak

untuk mesyuarat Agung GPW. Aktiviti ini telah dapat mewujudkan kerjasama yang erat antara ahli-ahli kerana penglibatannya amat memuaskan.

6.3 Aktiviti Sosial GPW Di Peringkat Blok

Di peringkat blok pula, aktiviti yang terpenting ialah Kelas Blok seperti Kelas Memasak dan Kelas Gubahan. Kelas Blok ini dijalankan di tiap-tiap blok pada tiap-tiap minggu. Menurut SDA (W) rancangan, sebelum ini guru KEMAS adalah bertanggungjawab mengajar wanita-wanita dalam Kelas Blok. Tetapi pada masa kini tugas mengajar ini telah di ambilalih oleh SDA (W) semenjak kemelesetan ekonomi. Di samping itu mana-mana ahli GPW yang mempunyai resipi-resipi masakan baru atau mempunyai gubahan terbaru boleh mengemukakan ide-idenya dalam Kelas Blok.

Kelas-kelas Blok biasanya diadakan di rumah salah seorang Ahli Jawatankuasa GPW di blok masing-masing.

Bahan-bahan untuk Kelas Memasak samada disediakan oleh ahli-ahli blok sendiri ataupun bahannya dibeli dengan menggunakan kutipan wang daripada ahli-ahli blok. Yuran yang dikenakan ke atas ahli-ahli blok ialah sebanyak 50 sen tiap-tiap seorang pada tiap-tiap bulan. Begitu juga bahan-bahan untuk Kelas Gubahan seperti kain lipatan samada disediakan ataupun dibeli dari wang kutipan ahli-ahli blok.

Pertandingan memasak dan gubahan sering diadakan di peringkat rancangan. Usaha ini adalah untuk mencungkil bakat-bakat daripada kaum wanita di samping bertujuan untuk menambahkan kreativiti wanita-wanita di rancangan masing-masing.

6.3(a) Kehadiran Kelas Blok

Kehadiran ahli-ahli blok dalam kelas-kelas blok pada amnya adalah amat memuaskan iaitu biasanya kira-kira 80%.¹ Kehadiran yang amat menggalakkan ini adalah kerana Kelas Blok lazimnya diadakan pada waktu petang dan ramai ahli blok mengaku bahawa waktu itu mereka tidak banyak kerja.² Walau bagaimanapun terdapat juga anak-anak peneroka yang hadir dalam Kelas Blok. Tetapi bilangan mereka amatlah kecil.

6.3(b) Pakatan Kahwin

Pakatan kahwin atau rewang pengantin merupakan salah satu aktiviti sosial yang terpenting di peringkat blok. Rewang pengantin merupakan gotong-royong di rumah keluarga

¹ Menurut rekod kehadiran ahli blok daripada fail GPW.

² Menoreh dilakukan hanya pada waktu pagi. Pada waktu petang, menurut kebanyakan penerokawati, mereka hanya mengemas rumah dan berihat.

pengantin. Kerjasama yang diberikan ialah dengan cara menolong masak di dapur dan sebagai penangguh. Mereka juga menyumbangkan kuih-kuih, beras dan barang-barang keperluan lain untuk keluarga pengantin. Jika mereka tidak dapat menyumbangkan barang-barang tersebut, maka sumbangan wang akan diberikan sebagai ganti iaitu sebanyak \$7.00 tiap-tiap seorang ahli blok tersebut.

Di samping itu di tiap-tiap peringkat di rancangan terdapat pakatan pinggan mangkok di mana pakatan ini menyediakan pinggan mangkok dan khemah-khemah untuk kerja-kerja kenduri kahwin. Oleh itu keluarga yang hendak membuat majlis kerja kahwin tidak payah bersusah-susah membeli atau menyewa pinggan mangkok.

Selain daripada itu, di tiap-tiap peringkat¹ terdapat juga tukang andam dan pembuat pelamin. Jika keluarga pengantin menempah tukang andam dan pembuat pelamin maka tiada bayaran dikenakan. Mereka hanya perlu menyediakan bahan dan alat-alat untuk membuat pelamin. Manakala tukang andam hanya mengenakan bayaran bagi pakaian yang disewa dan ini bergantung pada jenis pakaian. Kelebihan bagi pakatan kahwin ialah bayaran tidak dikenakan kerana alat-

¹ Terdapat 3 peringkat semuanya. Tiap-tiap peringkat mengandungi lebih kurang 5 blok.

alat pakatan dibeli dengan menggunakan wang daripada ahli-ahli blok dalam peringkat kampung masing-masing.

Walau bagaimanapun jika sesebuah keluarga pengantin ingin menempah tukang andam daripada peringkat lain maka ia boleh berbuat demikian, tetapi akan dikenakan bayaran sekurang-kurangnya \$80/- bagi sepasang pakaian songket pengantin.

Dari pemerhatian didapati bahawa aktiviti rewang pengantin telah menjadi seolah-olah sebagai satu tradisi di mana ia melibatkan kerjasama daripada setiap ahli-ahli dalam peringkat.

6.4 Aktiviti Keugamaan GPW di Peringkat Rancangan

Pihak GPW juga mementingkan kegiatan-kegiatan keugamaan di samping kegiatan-kegiatan sosial. Menurut SDA(W), GPW telah mengadakan kelas-kelas ugama khusus untuk ahli-ahli GPW pada tiap-tiap hari Sabtu di Sekolah Ugama. Ceramah-ceramah ugama lazimnya diberikan oleh guru atau ustazah dari Sekolah Ugama dalam rancangan.

Selain daripada itu kelas ugama juga diadakan pada tiap-tiap hari Jumaat khusus untuk penerokawati dan anak-anak perempuan di rancangan. Ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan ugama ini selalunya diadakan di masjid dalam rancangan dan diberikan oleh Imam Masjid rancangan sendiri.

Mengikut rekod GPW, perayaan keugamaan yang di adakan pada tiap-tiap tahun adalah seperti sambutan Maulud Nabi, Israk dan Mikraj dan lain-lain. Semasa sambutan perayaan tersebut acara-acara yang biasa diadakan ialah ceramah-meramah ugama, pertandingan membaca al-Quran, nasyid dan permainan kompang.

6.5 Aktiviti Keugamaan GPW di Peringkat Blok

Pihak GPW juga mementingkan aktiviti-aktiviti keugamaan di samping kegiatan-kegiatan sosial. Aktiviti keugamaan yang terpenting ialah Yasin dan Tahlil, yang diadakan pada tiap-tiap minggu. Lazimnya kegiatan Yasin dan Tahlil ini diadakan pada sebelah petang. Dalam tiap-tiap kegiatan ini SDA(W) akan turut hadir.

Kegiatan Yasin dan Tahlil biasanya diadakan di rumah salah seorang ahli blok secara bergilir-gilir. Sambutan adalah amat memuaskan kerana hampir tiap-tiap penerokawati dalam blok masing-masing akan hadir. Daripada pemerhatian adalah dianggarkan kira-kira 95% daripada ahli blok yang hadir dalam kegiatan ini.

Selain daripada tujuan keugamaan, iaitu untuk beramal di hari kemudian ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara ahli-ahlinya.

6.6 Aktiviti Ekonomi di Peringkat Rancangan

Aktiviti ekonomi tidak akan dibincangkan secara mendalam. Semasa kajian ini dijalankan, kerajaan sedang menggalakkan perlaksanaan projek buku hijau di rancangan FELDA. Tujuannya adalah untuk mengurangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang kita hadapi dan alternatif projek buku hijau amatlah sesuai sekali.

Dalam projek buku hijau ini peneroka-peneroka digalakkan untuk menanam sayur-sayuran seperti bayam, kangkong, peria, jagung, lada dan sebagainya. Oleh itu tiap-tiap ketua blok GPW mestilah memberi galakkan dan tunjuk ajar sepenuhnya agar tiap-tiap penerokawati di tiap-tiap blok dapat melibatkan diri dalam rancangan ini. Dengan itu peserta-peserta rancangan digalakkan supaya mengeluarkan hasil-hasil tanaman sendiri. Walau bagaimanapun projek buku hijau ini adalah ditekankan kepada kawasan rumah ketua blok khususnya sebagai contoh kepada ahli dalam bloknya.

Di samping itu pihak GPW juga telah menggalakkan projek tanaman kopi. Bagi menjayakan projek-projek tersebut, pihak GPW telah menyediakan tanah seluas kira-kira 1½ ekar untuk projek ini. Dari masa ke semasa SDA(W) akan membuat lawatan untuk mengawasi projek-projek tersebut. Penjagaan projek ini adalah mengikut giliran dan semua Ahli Jawatan-

kuasa adalah terlibat. Projek ini telah dijalankan sejak tahun 1979 lagi.

Ternyata hasil daripada buku hijau amat memuaskan kerana dari segi ekonominya kebanyakan peneroka-peneroka tidak payah lagi membeli sayur-sayuran di kedai kerana rata-rata harganya adalah tinggi. Semasa projek buku hijau sedang rancak berjalan, didapati cuaca yang terlalu panas telah merosakkan tanaman-tanaman seperti pokok-pokok lada. Walau pun baja digunakan tetapi hasilnya tetap mengecewakan.

Ahli GPW juga menjalankan projek ternakan ayam yang baru hendak dijalankan iaitu dijangka akan bermula pada bulan Jun. Tiap-tiap tahun sebanyak seribu ekor anak-anak ayam akan ditempah daripada Institut Haiwan Kluang. Segala keuntungan yang didapati akan dimasukkan dalam tabung GPW sebagai modal pusingan untuk masa akan datang. Sambutan untuk projek ini adalah baik dan memuaskan.

Kesimpulannya, dari pemerhatian adalah didapati bahawa penyertaan kaum wanita dalam aktiviti sosial dan keagamaan di peringkat blok adalah lebih banyak dan memuaskan kerana ianya dijalankan pada setiap minggu.

BAB VII

KESIMPULAN

Dalam bab ini akan dirumuskan tentang peranan kaum wanita melalui penglibatan mereka dalam kumpulan-kumpulan sosial dan keugamaan serta kesan-kesannya misalnya terdapat tugas-tugas di ladang serta terhadap tanggungjawab dalam rumahtangga.

Rancangan FELDA Air Hitam merupakan sebuah rancangan yang lama. Oleh itu adalah didapati bahawa pada puratanya umur kaum wanita di rancangan ini adalah di antara 40 hingga 50 tahun. Ini dapat dilihat daripada 30 isteri peneroka yang menjadi responden iaitu sebanyak 63% yang berumur dalam lingkungan 40 - 50 tahun.

Peranan kaum wanita dalam rancangan dari segi sosial dan keugamaan dapat dilihat melalui penglibatan mereka dalam GPW. Sebahagian besar wanita-wanita di rancangan ini telah dapat melibatkan diri dalam pergerakan sosio-keugamaan kerana terdapatnya waktu lapang di sebelah petang. Kajian telah membuktikan bahawa walaupun sebahagian besar kaum wanita terlibat dalam kerja-kerja di ladang tetapi ianya tidak pula menjejaskan tugas-tugas utama mereka sebagai seorang suri rumah.

Hubungan wanita-wanita ini dengan anak-anak di rumah adalah biasa. Menyemak kerja-kerja sekolah anak-anak dapat mereka lakukan pada waktu malam. Oleh itu, dari pemerhatian penglibatan wanita-wanita dalam sosial dan ugama tidak langsung menjejaskan tanggungjawab mereka sebagai isteri dan ibu di rumah, kerana mesyuarat dan kelas-kelas blok biasanya bermula pada jam 3 atau 4 petang pada tiap-tiap minggu.

Dari tinjauan yang dilakukan, adalah didapati bahawa penglibatan wanita-wanita dalam kumpulan sosial dan keugamaan tidak sedikit pun menjejaskan kerja-kerja mereka di ladang. Kebanyakan wanita-wanita turut membantu suami-suami mereka menoreh getah di ladang. Mereka berpendapat bahawa membantu suami adalah perlu untuk meringankan serta mencepatkan kerja-kerja suami mereka.

Bagi wanita-wanita yang mempunyai anak-anak yang masih kecil, mereka akan menumpangkan anak kecil di rumah jiran sewaktu membantu suami di ladang. Jika mereka mempunyai anak-anak perempuan yang dewasa di rumah, semua kerja-kerja rumah akan dilakukan oleh anak-anak mereka. Jika tidak, semua kerja-kerja seperti memasak dan membasuh kain baju akan dilakukan sendiri oleh wanita-wanita ini sebaik sahaja pulang dari ladang. Pada waktu petang pula mereka dapat mengemas rumah.

Kegiatan sosial seperti gotong-royong telah memberikan kesan yang positif pada wanita-wanita yang terlibat. Mereka telah dapat berintegrasi dengan baiknya antara satu sama lain. Hubungan sosial telah dapat di eratkan lagi dengan isteri-isteri peneroka dalam rancangan. Di samping itu mereka dapat pula meringankan dan mempercepat kerja dengan cara bekerja beramai-ramai.

Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti mingguan sosial dan keagamaan tidak langsung menghalang mereka daripada menziarahi jiran-jiran di rancangan. Mereka masih dapat menziarah jiran-jiran yang sakit pada masa-masa lapang mereka. Selain daripada itu, wanita-wanita masih dapat meluangkan masa untuk berbual-bual dengan jiran pada waktu petang. Ini membuatkan hubungan mereka bertambah baik dengan jiran-jiran lain.

Dari segi hubungan dengan pegawai-pegawai FELDA di rancangan, daripada pemerhatian adalah didapati bahawa penerokawati-penerokawati yang memegang jawatan dalam kumpulan-kumpulan sosial dan keagamaan amat rapat dengan pegawai-pegawai FELDA. Hubungan secara tidak 'formal' juga berlaku di mana penyelia-penyelia peringkat ladang dan SDA(W) menghormati penerokawati-penerokawati sebagai orang-orang yang lebih tua daripada mereka. Dengan itu, interaksi berlaku dengan dua cara iaitu satu dilakukan

antara penerokawati dan kakitangan FELDA (formal) dan satu lagi hubungannya sebagai ahli keluarga. Jadi tidak hairanlah terdapat penyelia-penyelia ladang yang makan atau bermalam di rumah penerokawati-penerokawati. Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa penglibatan kaum wanita di rancangan dalam kegiatan sosial dan keugamaan tidak menjejaskan hubungan mereka dengan kakitangan FELDA. Malah daripada pemerhatian adalah didapati bahawa hubungan antara kedua pihak adalah baik.

Dengan memasuki kumpulan-kumpulan sosial dan keugamaan, kebanyakan wanita-wanita mengakui mereka telah memperolehi banyak faedah. Yang paling penting mereka telah mendapat pengetahuan yang amat berguna untuk kepentingan diri sendiri. Kelas-kelas blok yang mereka hadiri telah dapat meluaskan lagi pengetahuan dalam bidang masak serta gubahan. Pengetahuan mereka ini telah dapat diperluaskan lagi dengan mengambil upah menjahit baju sebagai kerja sampingan. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa peranan mereka dalam aktiviti sosial telah dapat mereka salurkan untuk kepentingan masyarakat FELDA.

Jika ditinjau penyertaan kaum wanita dalam aktiviti-aktiviti sosial, keugamaan dan ekonomi adalah ternyata bahawa penyertaan dalam aktiviti keugamaanlah yang paling tinggi. Misalnya dalam kegiatan Yasin dan Tahlil adalah didapati

bahawa kehadiran pada tiap-tiap minggu adalah 99%. Menurut pendapat kaum wanita sambutan yang begitu baik adalah di sebabkan mereka lebih mementingkan soal-soal keugamaan serta pahala yang akan mereka perolehi.

Begitu juga dalam kelas-kelas blok yang diadakan.¹ Daripada pemerhatian adalah didapati bahawa kehadiran adalah kira-kira 95%.

Walaupun JKRR menyediakan kegiatan-kegiatan tertentu seperti projek ekonomi dan gotong-royong tetapi tidak semua peneroka dalam rancangan yang terlibat dalam kedua-dua aktiviti ini. Sambutan peneroka-peneroka dalam aktiviti keugamaan dan sosial di peringkat blok seperti Yasin dan kelas blok adalah amat menggalakkan daripada lain-lain aktiviti. Dari pemerhatian didapati projek-projek ekonomi seperti projek buku hijau tidak melibatkan semua peneroka. Ia terutamanya dihadkan kepada beberapa orang peneroka dan penerokawati sahaja. Manakala projek-projek ekonomi lain seperti ternakan ayam sedang dibekukan kerana keadaan ekonomi meleset.

Akhir sekali dapatlah dirumuskan bahawa peranan

¹ Kelas-kelas blok adalah sebahagian daripada aktiviti sosial dan keugamaan yang dikendalikan oleh pihak GPW, misalnya kelas memasak dan kelas gubahan. Kelas blok diadakan sekali pada tiap-tiap minggu.

wanita di rancangan bukan setakat di dalam rumahtangga sahaja sebagai ibu dan isteri tetapi lebih luas lagi peranan mereka telah dapat disalurkan melalui penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti sosial dan keugamaan. Dengan demikian interaksi sosial di kalangan kaum wanita adalah amat erat melalui integrasi yang berlaku melalui aktiviti GPW baik dari segi sosial atau keugamaan.

Sebagai cadangan adalah lebih baik lagi jika aktiviti kelas-kelas blok dapat diselaraskan antara blok-blok GPW supaya ahli-ahlinya dapat sama-sama memperoleh pengetahuan dan supaya ahli-ahli antara blok dapat berinteraksi dengan cara yang lebih rapat lagi. Adalah juga lebih berfaedah jika pihak GPW dapat menambahkan ahli-ahli di dalam kelas-kelas blok dengan menggalakkan anak-anak perempuan peneroka sama-sama mengikuti aktiviti tersebut. Keadaan ini dapat mengeratkan interaksi serta meluaskan integrasi di antara penerokawati serta anak-anak mereka. Dengan itu adalah diharapkan agar jurang antara kedua-dua generasi akan dapat dikurangkan.

BIBLIOGRAFI

1. Mac Andrews, Colin, Mobility and Modernisation, The Federal Land Development Authority and Its Role In Modernising the Rural Malay, Gadjah Mada University Press, 1977.
2. Shamsul Amri Baharuddin, RMK Tujuan dan Perlaksanaannya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1979.
3. Shamsul Bahrin & Pereira, FELDA 21 Years of Land Development, Kuala Lumpur, 1977.

Tesis dan Disertasi

1. Abdul Samad bin Mahmood, Pembangunan Komuniti di Rancangan Kemajuan Tanah Batu Mengkebang, Kuala Krai, Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, U.M. 1971.
2. Ibrahim bin Muhammad Rawal, Kepimpinan Dalam LKTP Midor (Segamat), K.L. Jabatan Pengajian Melayu, U.M. 1971.
3. Muhammad Noor bin Yahya, Rancangan LKTP Sg. Tiang, Satu Kajian di Sudut Sosio-ekonomi, K.L. Jabatan Pengajian Melayu, U.M. 1971.
4. Rokiah Talib, Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan; Satu Kes Kajian Ke Atas Rancangan-Rancangan Tanah Negeri Kelantan, K.L. 1978.
5. Yaacob Harun, Pembangunan Komuniti di Rancangan FELDA, Satu Kajian Kes Di Rancangan FELDA Sg. Tiang, Kedah, K.L. 1975.

Makalah-makalah

1. FELDA - Impian menjadi kenyataan, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
2. FELDA - Laporan Tahunan 1979, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
3. FELDA - Laporan Tahunan 1980, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
4. FELDA - Laporan Tahunan 1981, Ibu Pejabat FELDA, K.L.

5. Garis Panduan GPW, Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial 1979, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
6. Garis Panduan JKRR, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
7. Husin Ali, Syed - Rancangan Tanah FELDA: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial, dalam manusia dan Masyarakat, PASUM, Bil. 3, 1974.
8. Interior Decorators, Ibu Pejabat FELDA, K.L.
9. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan , Penyata dan Kira-kira Tahunan 1964/65.
10. State of Kelantan, The Tanah Merah Land Development Board Annual Report of The Land Development Project and Ayer Lanas For Period From 1st April 1958 to 31st March, 1959, By The Manager Abdul Jalil bin Noordin, A.K.).